


**Jilid I
Bil. 13**



**Hari Selasa
16hb Mach, 1971**

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RA'AYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN PERTAMA
First Session

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 1221]

RANG UNDANG²

- Rang Undang² (Pindaan) Eksais [Ruangan 1253]**
- Rang Undang² Zon Perdagangan Bebas [Ruangan 1265]**
- Rang Undang² (Pindaan) Insuran [Ruangan 1281]**
- Rang Undang² (Pindaan) Rumah Judi Am [Ruangan 1283]**
- Rang Undang² Eksais (Negeri² Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah) (Pindaan) [Ruangan 1296]**
- Rang Undang² (Pindaan) (Chukai Pendapatan) Petroliaam [Ruangan 1298]**
- Rang Undang² (Pindaan) (Chukai Pendapatan) [Ruangan 1299]**

UCHAPAN PENANGGOHAN:

Perkhidmatan Guru² dan Tangga Gaji yang Berlainan [Ruangan 1309]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Selasa, 16hb Mach, 1971

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang.

YANG HADHIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH
ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P.
(Melaka Tengah).

„ Menteri Kesihatan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI
JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).

„ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI
(Kedah Tengah).

„ Menteri bagi Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI
TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E.
(Ulu Rajang).

„ Menteri Buroh, Yang Berbahagia TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N.,
P.J.K. (Klang).

„ Menteri Pertanian dan Tanah, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI
MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR
BIN BABA (Melaka Utara).

„ Menteri Pengangkutan, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P.
(Kinabalu).

„ Menteri Ta' Berpotfolio, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU
SAMAH, D.S.R., S.M.K. (Raub).

„ Menteri Kebajikan Masharakat, Yang Berbahagia TAN SRI FATIMAH
BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).

„ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN (Johor Bahru Timor).

„ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG
KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).

„ Menteri Muda Jabatan Perdana Menteri, TUAN ABDUL TAIB BIN
MAHMUD (Samarahan).

„ Menteri Muda Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).

„ Menteri Muda Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' ABDUL
SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

Yang Berhormat Menteri Muda Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).

- „ Menteri Muda Pertahanan, Y.M. TENGGU AHMAD RITHAUDEEN BIN TENGGU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pengangkutan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jejebu-Jempol).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, J.M.N., J.M.K., S.M.K (Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.J.K. (Hilir Perak).

Yang Berbahagia TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).

- Yang Berhormat PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG (Labuk-Sugut).
 - „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
 - „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
 - „ DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).
 - „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
 - „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
 - „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
 - „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
 - „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).
 - „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
 - „ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).
 - „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
 - „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
 - „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
 - „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
 - „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
 - „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
 - „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).

- Yang Berbahagia TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ TAN SRI KHAW KAI BOH, P.M.N., P.J.K. (Ulu Selangor).
- Yang Berhormat TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sib).
 „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
 „ TUAN LATIP BIN HAJI IDRIS (Mukah).
 „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
 „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
 „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
 „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
 „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
 „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
 „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
 „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
 „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
 „ DATO' MOHAMED SAID BIN KERUAK, S.P.D.K. (Kota Belud).
 „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
 „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
 „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
 „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
 „ DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
 „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
 „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
 „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
 „ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).
 „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
 „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
 „ DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, J.M.N., P.I.S. (Muar Dalam).
 „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
 „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
 „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
 „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
 „ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N. (Krian Darat).
 „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
 „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).
 „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
 „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
 „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
 „ TUAN SINYIUM ANAK MUTIT (Bau Lundu).
 „ TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).

- Yang Berhormat WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ DR SULAIMAN BIN MOHAMED ATTAS, J.P., P.J.K. (Rembau-Tampin).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATO' JAMES WONG KIM MIN (Miri-Subis).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADHIR:

- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Y.A.B. TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).
- „ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).

Yang Berhormat DR LIM CHONG EU (Tanjong).

- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN PETER LO SU YIN (Sandakan).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).

Yang Berhormat TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).

- „ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PETRA (Kimanis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Peguam Negara, Yang Berbahagia TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Di-lantek).

- „ Menteri Dengan Tugas² Khas dan Penerangan, Yang Berbahagia TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Di-lantek).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

PERDAMAIAN DI-ASIA TENGGARA— RUNDINGAN DENGAN PEMIMPIN² AFRIKA-ASIA

1. Tuan Haji Ahmad bin Arshad bertanya kepada Perdana Menteri, sa-bagai Anggota Komanwel, ada-kah Malaysia telah meneruskan usaha-nya mengadakan perundingan dengan pemimpin² Afrika-Asia yang ada perhubungan rapat dengan Peking untuk menghuraikan sechara lanjut gagasan Malaysia bagi perdamaian di-Asia-Tenggara, supaya memujok Peking memberikan sumbangan yang membena ka-araf perdamaian dan pembangunan, jika sudah nyatakan negara-nya.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan saya di-Persidangan Perdana² Menteri Komanwel di-Singapura baharu² ini, saya telah mengemukakan chadangan kita tentang pengechualian Asia Tenggara. Turut hadir di-Persidangan itu ia-lah negara² saperti Kenya, Uganda, Tanzania, Zambia dan Nigeria yang ada perhubungan baik dengan Chinese People's Republic. Kita telah juga menerangkan hasrat kita kepada negara² jiran dan beberapa negara² yang lain yang ada hubungan dengan Republic tersebut.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapat-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita menerangkan bahawa perundingan lanjut ini, ada-kah telah kita perbuat dengan Kerajaan Britain sa-bagai dia Ketua Komanwel dan kalau sudah buat, apa-kah usaha yang sudah dapat dan apa pula sikap British terhadap gagasan pengechualian kita itu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kita ada memberitahu Kerajaan British tetapi kita sekarang tidak hendak mendapat apa² pandangan kapada-nya; ini ada-lah hak kita, kita mempunyai kebebasan menjalankan dasar luar negeri mengikut kepentingan negara kita.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Ada-kah benar bahawa atas permintaan Peking meminta kerjasama Diplomat Rumania bagi mengadakan penerangan lanjut atas shor kita itu dan betul-kah satu pertemuan telah diadakan di-England (Pejabat Pesuruhjaya Tinggi kita) apa kemajuan yang telah didapati dalam perundingan itu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat ketahuī dengan sa-chara rasmi perkara ini hanya-lah khabar² angin sahaja.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa-kah Canada yang di-beritakan pihak Malaysia meminta ia champor tangan dalam hal ini kerana pihak Canada ada membuat perhubungan rapat dengan Peking. Jadi apa-kah Malaysia benar ada meminta Canada membuat sa-demikian menyatakan kemahuan kita untuk berdialog dengan Peking atau tidak?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak meminta jasa baik Canada dengan chara rasmi, kita hanya memberi keterangan kapada Canada di-atas hasrat kita dan jikalau Canada ada perhubungan dengan pihak Republic Peoples' China kita harap Canada barangkali dapat memberi keterangan, pandangan yang lanjut berkenaan dengan hasrat kita.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa-kah sambutan yang di-beri oleh pihak Canada terhadap pandangan sa-chara tidak langsung daripada pihak kita itu, dan minta Yang Amat Berhormat memberi penerangan sedikit.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Canada saya tahu ada menyambut baik atas hal ini kerana Canada sendiri ada mempunyai perhubungan dengan pihak Kominis China.

KILANG² PERUSAHAAN DI-LUAR BANDAR—KELUARAN BAHAN² MENTAH

2. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (*di-bawah S.O. 24 (2)*) minta kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan ada-kah Kementerian ini berchadang hendak menggalakkan pemodal² termasuk pemodal² luar membena kilang² perusahaan di-kawasan² luar bandar yang ada mengeluarkan bahan² mentah yang boleh di-proseskan di-negeri sendiri. Sa-takat ini apa-kah jenis bahan² mentah yang boleh di-dapati di-negeri ini yang boleh di-proses dan boleh menjadi pasaran dunia.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Tuan Mohamed Khir Johari): Tuan Yang di-Pertua, di-bawah Akta Galakan Pelaburan tahun 1968, Kerajaan akan memberikan kemudahan² tambahan seperti tempoh pengecualian cukai yang lebih kapada sa-barang sharikat yang mendirikan kilang-nya di-kawasan² pembangunan bagi keperluan² Akta ini, negeri² Kedah, Perlis, Kelantan, Trengganu, Pahang, Melaka, Sabah, Sarawak dan kawasan² perusahaan Kemunting di-Taiping dan di-Senawang di-Negeri Sembilan telah pun di-istiharkan sa-bagai kawasan pembangunan.

Kilang² yang di-maksudkan di-dalam kawasan² tersebut ada-lah kilang² yang memproseskan bahan² mentah yang di-dapati berdekatan dengan kawasan² itu, atau pun kilang² yang bergantung kapada barang² mentah yang di-bawa masuk dari luar negeri. Dari itu, boleh-lah di-lihat bahawa Kerajaan memang berazam hendak memperluaskan lagi supaya pemodal² mendirikan perusahaan² mereka di-kawasan² luar bandar.

Antara bahan² mentah yang boleh di-dapati di-negeri ini untuk di-perosuskan ia-lah getah, tebu, bijeh, kelapa sawit, padi, kayu-kayan dan kelapa. Kementerian saya sentiasa berusaha untuk menggalakkan bahan² mentah ini di-peroses untuk di-jadikan barang² keluaran pasaran dunia.

Tuan Ramli bin Omar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, ada-kah ini termasuk backyark industries atau perusahaan kecil di-belakang rumah luar bandar yang di-galakkan oleh Kerajaan negeri ini?

Tuan Mohamed Khir Johari: Ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak termasuk dalam galakan di-bawah Akta tahun 1968 tetapi

galakan bagi membanyakkan lagi perusahaan² kecil yang di-katakan backyard industries itu ia-lah satu juga dasar yang di-jalankan dengan pesat-nya oleh Kementerian saya.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Kita tahu di-Malaysia ini

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, ada-kah apa yang di-katakan oleh Menteri tadi kawasan Senawang dan Taiping, kawasan² yang di-katakan tadi untuk perusahaan² ini, ada-kah tempat luar bandar atau kawasan luar bandar bagi tempat itu, mithal-nya di-Senawang dan lain² yang di-katakan tadi tempat² perusahaan ini ada-kah di-luar bandar?

Tuan Mohamed Khir Johari: Sunggoh pun yang ini bukan-lah kawasan luar bandar tetapi untuk maksud Akta tahun 1968 ini di-iktirafkan kawasan sa-bagai pembangunan dan juga bersamaan dengan kawasan luar bandar.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Tidak-kah ada galakan Kerajaan kepada kawasan² mithal-nya kawasan kelapa, kelapa sawit di-luar² bandar di-galakkan supaya pemodal² menanam modal di-situ supaya bahan² daripada kampung² yang berdekatan itu supaya dapat orang² kampung kita bekerja di-tempat itu?

Tuan Mohamed Khir Johari: Ini sedang di-jalankan dan tidak berapa lama lagi saya akan mengumumkan satu perusahaan yang di-majukan di-luar bandar yang akan menggunakan bahan² mentah di-luar bandar dan juga akan menggunakan lebih kurang 850 orang pekerja.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Menteri yang tersebut tahu, ia-itu tukar syarat bagi tanah² yang di-luar bandar yang di-buat kilang² ini memakan masa berbulan dan bertahun?

Tuan Mohamed Khir Johari: Memang saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, tetapi dengan sebab ini ia-lah kuasa daripada Kerajaan Negeri terpaksa-lah kita memujuk Kerajaan² Negeri untuk mengambil tindakan yang lebih tegas dalam hal ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat tahu bahawa di-negeri kita ini ada kilang susu dan kilang gandum, jadi ada-kah kilang² ini menggunakan bahan² mentah tempatan untuk di-gunakan di-kilang²-nya atau tidak, jika tidak, apa-kah usaha² untuk mengadakan-nya seperti mengambil-nya daripada Perak yang saya dengar sa-buah pulau di-Perak di-adakan ternakan lembu—pulau untuk menternak lembu.

Tuan Mohamed Khir Johari: Ya. Memang tentang susu itu sedang pun di-ikhtiar, tetapi berkenaan dengan gandum itu tentu-lah Ahli Yang Berhormat sendiri tahu tidak boleh kita tanam gandum di-Malaysia kita ini.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Ada-kah Yang Berhormat Menteri ini sedar bahawa di-antara kilang² yang telah di-dirikan dalam negeri ini, ia-itu memproses kelapa sawit di-ladang² L.K.T.P., kelapa sawit ini di-buang ka-sungai dengan sebab kilang-nya itu kecil tidak boleh menampung kelapa yang begitu banyak dan begitu subur. Sa-kira-nya dia sedar, ada-kah Kementerian ini menjalankan satu siasatan bagi mengambil tindakan?

Tuan Mohamed Khir Johari: Siasatan sedang di-jalankan dan ada-lah di-perchayai siasatan itu akan tamat dalam masa tiga atau empat bulan lagi.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua, ada-kah Kementerian yang tersebut tahu ia-itu ada kawasan² yang di-tanam oleh orang² Melayu dengan kelapa sawit, kelapa sawit ini di-jual ka-kilang² orang puteh, jadi mangsa kepada orang² kampung oleh kerana orang² kampung ini apabila di-jualkan kepada kilang² ini dia di-letakkan harga sahaja, kalau hendak tiga sen satu pound, tiga sen-lah satu pound; lima sen, lima sen-lah satu pound, oleh kerana tidak ada kilang² lain di-mana orang kampung dapat menjual, ia-itu di-Kuala Langat.

Tuan Mohamed Khir Johari: Saya memang sedar dalam hal ini dengan sebab itu-lah pihak Kerajaan tidak menggalakkan pekebun² kecil menanam kelapa sawit, jika sa-kira-nya tidak ada kilang² yang boleh memberi harga yang berpatutan untuk barang² mentah mereka itu.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dahulu Kerajaan menggalakkan orang² kampung

menanam kelapa sawit oleh kerana getah ta' laku, ta' laku, pasaran dunia tidak ada, galakan orang kampung menanam sa-mula ia-itu dengan kelapa sawit, tetapi sekarang sudah tidak ada galakan, jadi orang kampung tidak tahu apa hendak buat, ada-kah Kerajaan tahu atas perkara ini?

Tuan Mohamed Khir Johari: Yang saya katakan ta' galakkan itu yang baharu, yang sudah itu ta' mengapa-lah.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Adakah pehak Menteri Perdagangan dan Perusahaan ada membuat usaha untuk orang² bumiputra mengadakan kilang² keropok di Pantai Timor?

Tuan Mohamed Khir Johari: Itu memang sudah ada, sudah mashhor di-seluruh Malaysia kita.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, yang saya maksudkan ia-lah kilang keropok bukan buat keropok sa-bagaimana yang sekarang di-jalankan di-Pantai Timor sa-chara tangan, itu minta kalau dapat

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak tahu kilang apa?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Kerepok.

Tuan Yang di-Pertua: Itu saya pun ta' tahu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Kerepok.

Tuan Yang di-Pertua: Keropok! (*Ketawa*).

Tuan Mohamed Khir Johari: Saya akan chuba usahakan.

Puan Bibi Aishah binti Hamid Don: Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan. Benar-kah bagi pehak kilang² yang mengilangkan kelapa sawit kita hanya dapat mengeluarkan crude oil sahaja, jadi kita tidak memproses dengan chara lebeh mendalam lagi.

Tuan Mohamed Khir Johari: Sekarang ini sudah di-jalankan chara moden dan pendek kata kesemua kelapa sawit itu dapat di-gunakan.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Dato' Yang di-Pertua, oleh kerana kita membesarkan tentera kita makin lama makin banyak tentu-lah equipment-nya mesti di-pakai, kasut hendak di-buat, uniform hendak di-buat, jadi dengan sebab itu ada-kah Kerajaan berikhtiar untuk membuat atau pun swasta² yang lain hendak membuat equipment² untuk askar kita?

Tuan Mohamed Khir Johari: Itu Soalan lain, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu pehak Kerajaan sudah pun berusaha mengadakan satu kilang untuk membuat bukan equipment tetapi peluru yang di-gunakan oleh askar kita.

Tuan Othman bin Abdullah: Soalan tambahan. Apa-kah rancangan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan ini untuk membenakan kilang² perusahaan yang sesuai dengan bahan² mentah dalam negeri Perlis?

Tuan Mohamed Khir Johari: Saya kurang dengar.

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun ta' dengar.

Tuan Othman bin Abdullah: Apa-kah Kementerian ini berchadang untuk mendirikan sa-buah kilang yang sesuai dengan bahan² mentah yang ada di-utara Malaysia yang akan di-dirikan di-negeri Perlis?

Tuan Mohamed Khir Johari: Ahli Yang Berhormat sampai lambat tadi, dia out of date sedikit (*Ketawa*).

Dato' Dr Haji Abdul Aziz bin Omar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, di-Kelantan ada beberapa banyak kilang² tembakau, akan tetapi di-empunyai oleh satu sharikat sahaja ia-itu M.T.C., jadi penanan² daun tembakau ini terpaksa-lah menjual daun² ini kepada M.T.C. sahaja, maka dengan sebab itu harga pembelian kadang² tidak-lah sa-bagitu sa-imbang dengan daun² itu. Jadi, soalan saya, mengapa-kah lain kompani tidak masuk sama di-sana saperti Rothmans?

Tuan Mohamed Khir Johari: Ini susah saya hendak jawab, tetapi yang saya tahu memang betul-lah sharikat yang membeli kebanyakan tembakau daripada negeri Kelantan ia-lah M.T.C. Dan saya telah membuat ketentuan dengan pehak sharikat tembakau untuk membuat lawatan ka-negeri

Kelantan pada 1 dan 2hb Jun yang akan datang khusus-nya untuk melihat hal tembakau ini.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Dato' Yang di-Pertua, oleh kerana orang² kampung sekarang susah tidak ada pekerjaan, ada-kah Kementerian yang bertanggung-jawab memikirkan biji² getah, biji² getah saya dengar di-negeri Thailand biji² getah ini di-pres—di-perah mendapat minyak, minyak ini boleh di-makan, ada-kah Kementerian Perdagangan dan Perusahaan berikhtiar untuk menggunakan biji getah ini di-sini supaya orang² yang punya pokok getah dapat menjual biji getah-nya pula?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun memberi kelulusan bagi sa-buah sharikat di-Negeri Sembilan untuk mengadakan perusahaan keluaran minyak daripada biji getah.

GAMBAR² MAJLIS AHLI² KABINET— TALIVISHEN MALAYSIA

3. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Penerangan sama ada Talivishen Malaysia diarahkan hanya untuk mengambil gambar² majlis² yang di-hadzi oleh para ahli² Kabinet dan majlis² yang di-anjor oleh ahli² parti pemerintah. Sa-kira-nya bukan, mengapa Kursus Seminar ILO/ICFTU sa-Asia bagi Pekerja² Pengangkutan Jalan Raya yang di-rasmikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang pada 14hb Disember, 1970, di-Pulau Pinang tidak di-ambil peduli oleh Talivishen Malaysia walau pun pihak Talivishen Malaysia mengetahui akan hal ini.

Menteri dengan Tugas² Khas dan Penerangan (Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, tidak benar sama sa-kali bahawa dasar talivishen ini meliputi hanya gambar Menteri² sahaja. Kerana dasar talivishen Malaysia ada-lah mengadakan liputan mengenai peristiwa² yang di-anggap penting dan yang di-ketahui oleh Kementerian. Ada juga masa-nya oleh sebab, oleh kerana sebab² yang tidak dapat di-elakkan peristiwa² yang terjadi di-negeri ini tidak dapat di-liputi oleh talivishen.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan seminar ILO/ICFTU di-Pulau Pinang yang di-adakan pada masa yang tersebut itu, yang sa-benar-nya perkara ini tidak dapat di-liputi

oleh talivishen, ia-lah oleh sebab pihak talivishen sendiri tidak di-beri ketahu² akan ada-nya perkara itu terjadi.

Tuan V. David: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, saya meminta berucap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh!

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, saya dapat tahu Pejabat Penerangan ada memberitahu berkenaan dengan function ini, ada-kah tidak Pejabat Penerangan ada memberi tahu Pejabat Talivishen?

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, di-dalam rekod Kementerian yang saya sendiri menyiasat, tidak sampai di-Kuala Lumpur ini—tidak ada.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan akan datang apabila ada apa² function kalau kita beritahu dengan Pejabat Penerangan, Pejabat itu boleh-kah ikut satu dasar yang bebas bukan sahaja bagi function Perikatan, function apa² yang mustahak mesti-lah wakil² pejabat itu boleh cover function itu?

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya sa-bagai Ketua Kementerian ini, saya memberi jaminan ini, tetapi yang pertama-nya kerjasama daripada pihak² yang hendak menggunakan jasa baik talivishen, yang baik sa-kali-nya berhubung terus dengan pihak talivishen, tetapi perkara ini ada-lah di-kawal di-bawah dasar bahawa apa-kah peristiwa itu penting atau tidak—di-situ-lah sahaja ikatan-nya, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' K. M. James Wong: May I ask the Honourable Minister, Sir, whether he has issued any directive at all to the Director of Information, Broadcasting and Television regarding what they should do and what they should not do, and what they can do and what they cannot do?

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, soal memberi directive ini tidak payah dengan tulis, saya tiap² pagi berjumpa dengan Ketua Pengarah itu, directions ini keluar pada sa-tiap masa.

Dato' K. M. James Wong: Mr Speaker, Sir, does the Minister of Information send a directive to the Director of Information in Kuching every morning?

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Perkara Director of Informtaion, Kuching ini ada perhubungan-nya mengikut arahan dari Director of Information, Malaysia.

Tuan Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Menteri yang berkenaan, kenapa berita² talivishen yang satu² majlis di-utara Malaysia kadang² tiada di-hadziri oleh Radio dan Talivishen Malaysia, bahkan sa-hingga Raja negeri itu sendiri pun membuka satu² Majlis tidak di-hadziri oleh talivishen dan yang kedua, kenapa siaran² warta berita yang di-siarkan oleh talivishen lambat di-siarkan berhubung dengan berita² utara Malaysia khas-nya bagi negeri Perlis sendiri.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, berita² ini mana yang di-masokkan di-dalam talivishen atau radio itu ia-itu datang-nya melalu² daripada agent² yang membawa berita. Sa-kira-nya agent² yang membawa berita itu tidak mengirim berita itu kepada talivishen, talivishen sendiri atau radio sendiri tidak ada reporter-nya di-Perlis, kita menggunakan badan² yang lain, sebab itu-lah maka tidak ada. Tetapi pada masa sekarang saya sendiri telah mendapati bahawa banyak kekosongan dan saya memberi jaminan bahawa pada masa hadapan ini, bukan sahaja di-Perlis bahkan banyak tempat lain lagi yang kita tidak dapat liputi pada masa ini dan saya menchuba memperbaiki keadaan.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, adakah Menteri Penerangan sedar bahawa di-Kuala Trengganu di-waktu Expo 70 dahulu pehak company talivishen telah mengambil kesempatan dan menjual talivishen ka-sana kerana pada masa itu memang boleh digunakan talivishen itu, tetapi sa-sudah itu mereka tidak dapat menggunakan lagi. Kebanyakan daripada mereka telah terpaksa membayar instalment peti² talivishen itu sedangkan talivishen itu tidak dapat di-gunakan dan apa yang saya ingin mendapat tahu, bila-kah masa-nya talivishen akan dapat digunakan di-kawasan Kuala Trengganu?

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya dengar juga cherita orang Trengganu ini kena beli tali-vishen peti kosong sahaja tidak dapat gambar.

Yang sa-benar-nya perusahaan yang di-buat oleh Kementerian ini, insha' Allah dalam bulan Ogos atau September ini dapatlah agak-nya di-Trengganu, tetapi ini pun bekerja dengan boleh di-katakan 24 jam sehari untuk mengadakan soal Trengganu itu sahaja.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, apa-kah kesukaran atau pun kesulitan yang di-hadapi oleh Kementerian ini yang akan mengambil masa lebih kurang 5 bulan lagi untuk menyiapkan kerja² bagi membolehkan orang² di-Kuala Trengganu itu menggunakan talivishen?

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, soalan-nya ia-itu, link-microwave link. Sebab alatan² yang itu yang sa-benar-nya soal ini bukan-lah tanggung-jawab daripada Kementerian saya ia-itu, Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom.

Yang sa-benar-nya soal microwave link itu yang tidak dapat. Dari segi talivishen kalau sudah ada itu malam karang kita boleh buat itu yang tidak ada (*Ketawa*).

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, dapat-kah Menteri Penerangan berhubung dengan Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom supaya dipercepatkan dapat di-gunakan talivishen di-Kuala Trengganu.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, memang perkara ini sentiasa di-dalam kerjasama antara Kementerian ini dengan Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom dan sentiasa ini hal-nya yang saya katakan tadi, perkara ini di-usahakan bersama² dan sekarang soal ini ia-lah soal link micro²wave—itu sahaja.

Tuan Hussein bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Pada bulan Ogos ini ada-kah untuk Kuala Trengganu sahaja atau pun seluruh kawasan negeri Trengganu?

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, apabila ada link ini bukan-lah soal Kuala Trengganu sahaja, tetapi soal Trengganu seluruh-nya.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa benda link ini, apa perkakas link ini. Bila-kah boleh dapat?

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, perkara microwave link; macham mana saya hendak cherita lagi; itu-lah dia benda-nya (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Satu daripada alat talivishen yang di-gunakan yang tidak boleh tidak mesti ada.

RANCHANGAN² TAMIL DI-TALIVISHEN

4. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Penerangan berapa minit-kah yang di-berikan kepada ranchangan² Tamil dalam Talivishen sa-tiap hari. Dapat-kah Kerajaan melanjutkan masa-nya.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, Ranchangan Tamil melalui T.V. ada-lah seperti berikut: Pada tiap² hari Warta Berita 10 minit. Dan tiap² hari Thalatha Ranchangan Puspa Ria ia-itu Ranchangan Nyanyian², Tarian² 25 minit. Tiap² hari Khamis, Lembaran Minggu satu program magazine 25 minit dan sa-bulan sa-kali gambar² Tamil lebih kurang 2½ jam.

Berkenaan dengan soal yang kedua itu ada-kah Kerajaan berhajat hendak melanjutkan masa-nya maka, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah polisi Kementerian ini hendak melanjutkan programme talivishen itu, terutama sa-kali di-dalam bahasa kita ia-itu Bahasa Malaysia. Itu dasar.

Dato' Dr Haji Abdul Aziz bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekarang ini Talivishen Malaysia ada dua channel. Bila-kah Kelantan mendapat dua² channel itu?

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Ini balek kepada soal tadi-lah, tetapi soal perhubungan teknikal, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ramli bin Omar: Dalam kita menyiarkan ranchangan bahasa Tamil ini atau pun bahasa China tidak-kah boleh tajok dalam satu² ranchangan itu di-umumkan dalam Bahasa Malaysia sahaja? Pada masa sekarang ini saya lihat dan dengar sudah-lah kandungan ranchangan itu bahasa Tamil atau

China, boleh-kah tajok atau pembukaan satu² ranchangan itu sahaja di-umumkan dalam Bahasa Malaysia?

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak tanya boleh tidak boleh, memang boleh, tetapi tidak hendak buat.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri berkata Bahasa Malaysia bagi semua program, (ranchangan) kita yang lebihkan Bahasa Malaysia, tetapi saya nampak American film third rate cow boy film selalu hari² ada di-tunjokkan dalam talivishen jam-nya lebih daripada semua bahasa. Macham mana Yang Berhormat Menteri boleh terangkan kepada Dewan ini yang dia menyokong Bahasa Malaysia.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya menchuba menjawab dengan pengertian yang sa-dapat saya mengikut soalan tadi. Memang-lah di-dalam kajian Kementerian ini pada masa ini untuk menambahkan filem² dan gambar² dan juga ranchangan² hidup di-dalam Bahasa Malaysia, tetapi perkara ini memakan masa sedikit. Buat sementara ini gambar itu sebab konterek dahulu terpaksa-lah kita jalankan, tetapi saya harap di-dalam masa tidak berapa lama lagi kita dapat mengubah chorak talivishen kita ini dan mengurangkan gambar² macham Yang Berhormat chakap tadi. Saya setuju betul banyak gambar itu tidak sedap.

Tuan V. David: Soalan tambahan. Yang Berhormat boleh menerima chakap saya, fasal filem Hindi dan Tamil bukan sahaja orang India ada menengok gambar itu, orang² lain pun yang berchakap daripada Bahasa Malaysia ada menengok tayangan wayang itu, semua orang dalam negara kita. Fasal itu juga saya minta kalau filem Hindi dan Tamil bukan sahaja satu bahagian sahaja orang menengok, bahkan di-seluruh tanah ayer kita, mereka ada menengok gambar itu.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, permintaan Yang Berhormat itu boleh di-timbangkan.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Yang Berhormat Menteri berchandang hendak mengumumkan tempoh waktu untuk menghabiskan langsung siaran² dalam

bahasa² lain daripada Bahasa Malaysia. Oleh kerana kita telah lama merdeka dan mungkin dalam tempoh waktu yang sa-demikian seluruh warganegara Malaysia ini akan dapat memahami Bahasa Malaysia. Yang kedua ada-kah Yang Berhormat Menteri itu berchadang bahawa akan lebeh banyak lagi gambar² yang datang dari luar negeri itu di-aleh-bahasakan kepada Bahasa Malaysia saperti satu gambar yang telah pun dilakukan aleh-bahasa-nya yang berjalan pada masa sekarang.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, soal yang kedua tadi ia-itu soal dabling ini memang di-usahakan bahkan minggu ini perkara ini di-binchangkan dengan mendalam-nya bagaimana kita boleh dapat memperbaiki lagi dabling itu. Soal yang pertama itu pada masa ini tidak dapat saya memberi jaminan atau memberi apa² penentuan menunjokkan bila masa-nya yang kita boleh dengan habis²an yang bahasa lain itu tidak di-gunakan lagi dalam T.V. kita, melainkan Bahasa Malaysia, pada masa ini saya tidak dapat memberi ketentuan.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Untok berbuat sa-demikian atau pun berchadang hendak buat pada masa akan datang sa-sudah di-buat satu kajian?

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, ini sudah memang dasar kita, tetapi filem² kita kurang dan sa-bagai-nya banyak perkara² teknikal; memang dasar kita hendak menchapai ka-arrah itu.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, tentang soal siaran dalam bahasa² yang lain daripada Bahasa Malaysia ini kerana tidak dapat menentukan waktu sekarang ini, tetapi untok di-beri penjelasan pada Rumah ini, ada-kah pehak Kementerian itu mempunyai chadangan untok mengkaji jangka waktu sa-hingga mana seluruh bahasa² lain sa-lain daripada Bahasa Malaysia itu di-tiadakan.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Macham mana, Tuan Yang di-Pertua, yang saya sebutkan tadi perkara ada programming di-dalam review, di-dalam kajian yang mendalam. Di-dalam kajian itu memang ada soal bila-kah masa-nya kita boleh dapat sa-hingga menghapuskan semua sa-kali filem² yang kita bawa dari luar negeri itu dan sa-hingga di-gantikan dengan filem Bahasa Malaysia.

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahan. Saya selalu mendengar daripada Talivishen Malaysia lagu pembukaan-nya "Malaysia Berjaya". Saya minta penerangan kepada pehak yang berkenaan dalam lagu itu: Satu bangsa, satu negara. Saya hendak tahu apakah rupabangsa Malaysia ini, sebab dalam Kad Pengenalan saya tidak ada rupabangsa.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu soal lain.

Tuan Hashim bin Gera: Soal itu bersangkut-paut soalan

Tuan Yang di-Pertua: Pada pendapat saya pun soal lain (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

(*Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang tidak hadir. Soalan²-nya: No. 5 hingga No. 7*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Goh Hock Guan.

(*Yang Berhormat Tuan Goh Hock Guan tidak hadir. Soalan²-nya: No. 8 hingga No. 10*).

11. Tuan V. David (di-bawah S.O. 24 (2)) bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar sama ada beliau sedar aduan² mengenai alat penyukat padi basah FAMA yang tidak begitu betul dalam menimbang padi yang di-bawa oleh petani, dan apa-kah tindakan yang akan di-ambil oleh beliau untok menjamin ke'adilan kepada petani.

Menteri Pertanian dan Tanah (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Dato' Yang di-Pertua, saya sedar di-atas aduan² yang mengatakan bahawa meter wap basah itu tidak begitu tepat di-dalam mengukor kandungan wap basah padi yang telah di-beli daripada penanam² padi. Aduan² ini bukan-lah di-atas meter wap basah yang di-gunakan oleh FAMA dalam pembelian padi di-komplek² pengeringan padi, tetapi di-atas meter² wap basah yang di-gunakan oleh pembeli² padi swasta yang berlesen.

Penentuan kandungan wap basah di-dalam biji² padi ada-lah perlu untok menentukan harga yang akan di-bayar kepada petani².

Oleh yang demikian ada-lah penting bahawa chara menentukan wap basah itu di-lakukan sa-berapa tepat yang dapat. Ada juga pendapat² bahawa perkara ini dapat di-tentukan sa-chara kasar ia-itu dengan chara seperti merasa dengan tapak tangan atau pun dengan menggigit biji padi dan lain², tetapi sa-kiranya ada perbalahan atau tidak ada persetujuan tentang potongan basah atau sa-bagai-nya, maka tidak ada sukatan atau pun ukuran yang boleh menjadi asas untuk di-rujukkan. Jikalau petani² dan pembeli² padi boleh bersetuju di-atas kadar potongan dengan tidak menggunakan meter wap basah, maka meter itu tidak-lah payah di-pakai. Tetapi kalau sa-kira-nya tidak ada persetujuan, maka harus-lah kita menggunakan meter itu sa-bagai menunjok yard stick atau menentukan basah itu.

Jikalau bacaan yang di-namakan calibration dan di-gunakan dengan betul, meter wap basah ini boleh mengukur kandungan wap basah dengan tepat-nya. Ini telah di-buktikan dengan ujian makmal yang telah di-jalankan di-Pusat Pertanian Telok Chengai oleh Jabatan Pertanian Negeri Kedah sendiri.

Tetapi, seperti lain² alat seperti daching, meter wap basah ini boleh di-main²kan dan dengan demikian dapat-lah di-tipu-helah oleh yang mengguna. Beberapa langkah telah diambil untuk mengatasi masalah ini dan untuk menjamin bahawa petani² boleh mendapat harga yang baik seperti berikut telah pun di-jalankan ia-itu:

- (i) penyamaan bacaan meter ini supaya semua meter yang di-gunakan di-dalam pembelian padi ada-lah tepat,
- (ii) menjalankan kerja² penyeliaan dan penguat kuasa yang lebeh berkesan untuk mengurangkan tipu-helah di-dalam kegunaan meter ini,
- (iii) menunjok ajar kepada penanam² padi sendiri di-atas kegunaan meter ini untuk menjaga daripada di-tipu-helah dan untuk mengadakan fahaman dan penghargaan di-dalam kebaikan kegunaan meter.

Untuk ma'aluman Dewan pada minggu sudah pehak FAMA di-negeri Kedah telah pun memanggil semua pembeli² padi membawa meter penyukat wap basah untuk di-pereksa oleh FAMA bagi menentukan yang wap basah itu tidak di-salah-gunakan, atau di-tipu-helahkan oleh pembeli² padi di-dalam negeri Kedah.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, tidak-kah ada satu² benda, alat yang mengeringkan padi dahulu pak-tani² punya padi ini sa-belum di-jual? Tidak-kah ada alat² di-masokkan dalam wap basah mithal-nya drier, kemudian baharu-lah di-jual. Tak ada-kah ada Pejabat Pertanian memikirkan perkara ini.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, sa-hingga hari ini pehak FAMA telah pun mengadakan tempat pengeringan padi ia-itu satu di-Anak Bukit dan satu di-Arau, Perlis, tetapi pada masa sekarang pehak FAMA sedang merancang untuk membena 5 buah tempat pengering padi dan manakala tempat² pengeringan padi ini siap kelak, maka dapat-lah di-kaji masalah berkenaan dengan menggunakan wap basah dan sa-bagai-nya, tetapi sa-hingga tempat pengering padi itu belum di-siapkan, maka perkara ini tidak-lah dapat di-kajikan pada masa sekarang.

SETINGGAN² DI-KUALA LUMPUR— MEMINDAHKAN

12. Tuan V. David (*di-bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah permohonan dari Kerajaan Negeri Selangor bagi meminjam dua setengah juta untuk menolong memindahkan setinggan² di-Kuala Lumpur telah di-serahkan, dan jika ya, ada-kah permohonan itu telah di-luluskan. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, betul ada satu permohonan daripada Kerajaan Negeri Selangor untuk mendapatkan pinjaman sa-banyak \$2,535,000 bukan \$2,500,000 bagi membolehkan Kerajaan Selangor melalui Perbadanan Kema-juan Negeri Selangor membena rumah² pangsa dalam Kuala Lumpur bagi menempatkan setinggan² di-atas tanah Kerajaan.

Permohonan itu telah pun di-luluskan dan kelulusan itu telah pun di-sampaikan pada Kerajaan Negeri pada 11hb Disember, 1971.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Richard Ho Ung Hun.

(Yang Berhormat Tuan Richard Ho Ung Hun tidak hadir. Pertanyaan²-nya No. 13 hingga No. 14 dan No. 16 hingga No. 17.)

**JAWATAN² PAKAR YANG KOSONG
DI-HOSPITAL UMUM, PULAU
PINANG**

18. Tuan T. S. Gabriel bertanya kepada Menteri Kesihatan apa-kah tindakan yang beliau telah ambil untuk mengisi jawatan Pakar Telinga, Hidong dan Rengkong yang telah kosong sa-lama dua tahun, di-Hospital Umum Pulau Pinang.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, ini bukan-lah persoalan sengaja menyimpankan jawatan itu kosong tetapi doktor² pakar telinga, hidong dan tekak ada-lah teramat kekurangan di-negara kita ini. Akibat-nya satu usaha pengambilan sedang di-jalankan untuk mengambil doktor² pakar seperti itu dari negara² sahabat. Saya tentu akan menimbangkan untuk menempatkan sa-orang doktor pakar telinga, hidong dan tekak di-Hospital Besar Pulau Pinang, sa-baik² sahaja usaha pengambilan yang sedang di-jalankan itu terbukti berjaya.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Jikalau tidak ada doktor hidong, telinga dan tekak, kalau orang sakit tekak, sakit hidong sekarang, bagaimana?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ada sa-orang pakar, Tuan Yang di-Pertua, di-Kuala Lumpur dan benda ini tidak-lah mustahak barangkali kita boleh terbangkan ka-mari atau pun pakar Kuala Lumpur hantar ka-Pulau Pinang.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Ada-kah Menteri Kesihatan sedar bahawa di-negeri Trengganu tidak ada doktor mata yang mana kalau pesakit² mata di-Trengganu terpaksa di-bawa ka-tempat lain. Jadi apa-kah usaha² yang di-jalankan oleh Menteri Kesihatan untuk mengadakan hanya sa-orang di-tempatkan di-negeri Trengganu. Minta jawab juga.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, soal ini soal lain, tetapi oleh kerana Yang Berhormat itu pun daripada Pantai Timor, saya suka-lah menerangkan ada sa-orang doktor mata di-Kota Bharu, dan beliau juga melawat ka-Kuala Trengganu. Kalau Yang Berhormat ada anak buah mana yang sakit mata buat ketentuan, kita hantar daripada Kota Bharu ka-Kuala Trengganu, tak susah.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Hendak di-tempatkan di-Trengganu bila agak-nya hendak di-adakan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya dapat bagaimana juga pakar E.N.T. tadi begitu juga-lah saya akan ator nanti.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 15, oleh Yang Berhormat Su Liang Yu belum di-jawab lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah sebut nama² orang itu tadi, Ahli² Yang Berhormat itu tidak ada di-sini.

Tuan T. S. Gabriel: Ada, tetapi kami sa-bagai ahli.

Tuan Yang di-Pertua: Baik-lah, soalan nombor berapa?

Tuan T. S. Gabriel: Soalan No. 15.

Tuan Yang di-Pertua: Baik kita ulang balek ka-belakang soalan nombor 15.

Tuan Su Liang Yu: Mr Speaker Sir, may I speak in English.

Tuan Yang di-Pertua: Ta' tahu chakap . .

Tuan Su Liang Yu: Question No. 15.

Tuan Yang di-Pertua: Ta' boleh chakap Bahasa Kebangsaan?

Tuan Su Liang Yu: Soalan 15.

**GURU² DI-SEKOLAH² KERAJAAN
DAN BERSENDIRIAN**

15. Tuan Su Liang Yu minta kepada Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) berapa orang guru² dalam sekolah² Kerajaan dan bersendirian yang maseh berkhidmat sa-bagai Wakil² di-dalam Majlis² Bandaran dan Majlis² Tempatan di-Negeri² Malaysia;
- (b) apa-kah tindakan sa-lanjut-nya Menteri akan ambil kepada guru² yang maseh giat di-dalam parti² politik;
- (c) berapa orang guru yang telah berhenti untuk bertanding dalam Pilihanraya tahun 1969, mengajar semula sa-lepas pilihanraya itu, dan apa parti² politik mereka;

(d) berapa orang guru² yang berkecukupan telah mendapat biasiswa Kerajaan untuk melanjutkan pelajaran mereka mengikut bangsa, sa-hingga tahun 1970.

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Dato' Onn): Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan pertanyaan pertama ia-itu ada 16 orang guru² di-sekolah yang di-bantu oleh Kerajaan—bukan sekolah Kerajaan—yang di-bantu oleh Kerajaan seperti yang terdapat di-Malaysia Barat sahaja, ia-itu 7 dalam Majlis Bandaran dan 9 dalam Majlis Tempatan.

Masalah bilangan guru² di-Malaysia Timor bagaimana Yang Berhormat ketahu pentadbiran pelajaran bagi Negeri² di-Malaysia Timor ada-lah dalam urusan Negeri² itu sendiri. Jadi saya tidak-lah hendak menjawab-nya.

Berkenaan dengan guru² bersendirian, ini tidak-lah dalam jagaan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pelajaran ta' ada laporan yang demikian.

Berkenaan dengan soalan yang kedua, jawab-nya ia-lah Kerajaan maseh mengkaji kedudukan semua golongan guru² dalam masalah ini dan sekarang Kerajaan tengah mengkaji masalah itu.

Jawapan kepada soalan yang ketiga, 3 orang kesemua-nya daripada Parti Persatuan China Malaysia.

Bilangan scholarship ada-lah seperti berikut:

Pada tahun 1967, 18 orang Melayu dengan sebab tidak ada permintaan daripada orang² yang bukan Melayu.

Dalam tahun 1968, 2 orang Melayu. Tidak ada permohonan daripada orang² yang bukan Melayu.

Pada tahun 1969, tidak ada.

Pada tahun 1970, tidak ada.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri Pelajaran di-bahagian (c) tadi, Yang Berhormat mengatakan 3 orang guru yang berhenti kerana bertanding dalam pilihanraya tahun 1969. Ada-kah dari 3 orang itu termasuk ahli dari Persatuan Islam sa-Tanah Melayu; apa yang bertanding di-atas nama Persatuan Islam sa-Tanah Melayu.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, 3 orang itu ia-lah kesemua-nya daripada Parti Persatuan China Malaysia.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, jadi tidak ada dari yang bertanding atas nama Persatuan Islam sa-Tanah Melayu?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, semua-nya tiga orang dari Parti Persatuan China Malaysia.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ada-lah sa-orang daripada-nya guru yang telah berhenti dan bertanding dalam pilihanraya tahun 1969 dan memang berada dalam Dewan pada hari ini dan saya ada-lah bukan dari yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran itu.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, soalan-nya berapa orang guru yang telah berhenti untuk bertanding dalam pilihanraya tahun 1969 yang mengajar samula. Ada-kah tuan ada mengajar sa-mula?

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, di-15 (a) tadi, Tuan Yang di-Pertua, dari 16 orang guru yang di-jawab oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran itu, ada-kah ke-16 orang guru itu dari parti pemerintah?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada dalam soalan awal itu.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, walau pun Yang Berhormat Menteri tidak dapat memberikan kenyataan lebih lanjut tentang guru² yang maseh giat dalam parti² politik, dapat-kah Yang Berhormat itu menyatakan bahawa dapat-kah di-anggap bahawa kesemua guru² dalam bidang politik itu ada-lah dalam bidang politik parti pemerintah sahaja.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain tetapi bagi menjawab soalan yang di-tanya kepada saya, Kerajaan maseh mengkaji lagi, tetapi sama ada dalam parti Kerajaan Pemerintah, itu soalan lain, Tuan Yang di-Pertua.

TANGGA-GAJI DAN PERKHIDMATAN DOKTOR²—MEMBAIKI

19. Tuan T. S. Gabriel bertanya kepada Menteri Kesihatan ada-kah beliau akan memperbaiki tangga-gaji dan keadaan perkhidmatan doktor².

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, ia, saya telah pun menimbangkan untuk memperbaiki gaji dan syarat² perkhidmatan untuk doktor².

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah sa-belum daripada yang di-perkatakan oleh Menteri Kesihatan itu bahawa doktor² di-negeri kita ini telah banyak berhenti daripada jawatan doktor di-sebabkan kerana hal gaji atau sa-bagainya dan jika kerana itu, berapa-kah yang telah berhenti.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan yang berlainan dan kalau pun hendak bertanya, saya minta notis juga. Sila berjumpa saya, nanti saya beri tahu.

RUMAH² PANGSA BAGI ANGKATAN TENTERA

20. Tuan V. David (*di-bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Pertahanan ada-kah beliau akan menimbangkan:

- (a) mendirikan lebih banyak lagi rumah² pangsa harga rendah bagi Angkatan Tentera berpangkat rendah;
- (b) atau pun menaikkan elaun perumahan mereka.

Timbalan Menteri Pertahanan (Y.M. Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail): Tuan Yang di-Pertua, ada-lah menjadi dasar Kerajaan untuk membena rumah² kelamin bagi anggota² lain pangkat, Angkatan Tentera Malaysia. Memandangkan kepada pembesaran Angkatan Tentera Malaysia, keutamaan sedang di-beri untuk mencapai matlamat ini. Buat sementara ini untuk mengatasi masalah kekurangan rumah² kelamin, rumah² pangsa yang mana di-dapati sesuai untuk Anggota Angkatan Tentera sudah di-beli atau di-sewa oleh Kementerian Pertahanan, mithalan-nya 650 yunit rumah pangsa di-Pulau Pinang dan Melaka telah di-sewa dan 6 blok lagi Wardieburn Estate, Setapak, telah di-beli. Perbinchangan maseh lagi berjalan untuk membeli atau menyewa

rumah² di-tempat² yang sesuai dari beberapa Kerajaan Negeri sementara itu ranchangan untuk membena rumah² kelamin juga sedang di-laksanakan oleh Kementerian Pertahanan.

Menaikkan elaun sewa rumah mungkin sa-chara kecil dapat mengatasi masalah perumahan bagi Anggota² Lain Pangkat Angkatan Tentera. Tetapi bagi jangka masa yang panjang Kementerian berchadangan untuk membena rumah² kelamin yang chukup untuk Anggota² Lain Pangkat saperti mana yang sedang di-jalankan sekarang ini.

(*Jawapan lisan bagi Pertanyaan No. 5, 6, 7, 8, 9, 10, 13, 14, 16 dan 17 di-beri di-bawah ini kerana Yang Berhormat Ahli² yang berkenaan tidak hadir.*)

5. Tuan Lim Kit Siang bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah beliau sedar bahawa sa-sungguh-nya sejak 14 tahun telah Merdeka maseh belum ada sa-buah Perpustakaan Negara di-Ibu Kota dengan kemudahan² pinjaman buku kepada orang ramai, dan bila-kah Kerajaan bertujuan hendak menubuhkan sa-buah Perpustakaan Negara di-Kuala Lumpur.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui): Perpustakaan Negara Malaysia telah di-tubuhkan dengan resmi-nya tahun ini daripada teras-nya Perkhidmatan Perpustakaan Negara di-Arkib Negara. Perpustakaan Negara ini di-tempatkan buat sementara di-No. 2526 Jalan Venning, Kuala Lumpur dan sudah pun memberikan perkhidmatan rujokan yang sederhana kepada orang ramai. Selaras dengan tindakan ini Kerajaan² Negeri ada-lah di-minta memainkan peranan mereka dengan menubuhkan satu sistem perpustakaan awam negeri yang meliputi tiap² negeri untuk memberi kemudahan pinjaman buku² kepada orang ramai bukan sahaja di-kawasan dalam bandar tetapi juga di-luar bandar melalui penggunaan perpustakaan² beroda.

(*Dengan izin*) The National Library of Malaysia has been formally established this year directly from the nucleus National Library Service of the National Archives. It is accommodated temporarily at No. 2526 Jalan Venning, Kuala Lumpur, and is already providing a modest reference service to the public. At the same time State Governments are being asked to play their role by setting up a State-wide public library system in each

State which will provide lending facilities to the people, not only in the urban areas but also in the rural areas through the use of mobile libraries.

6. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Buroh menyatakan sama ada ia sedar atau tidak bahawa banyak ladang² telah di-pechah²kan dan ini makin menjadi², mengakibatkan beratus ribu penoreh² getah dan pekerja² ladang hilang pekerjaan; dan menyatakan langkah² yang telah di-ambil untuk menyekat pemecahan tersebut serta akibat sosial dan ekonomi.

Menteri Buroh (Tan Sri V. Manickavasagam): Kerajaan sedar akan masalah itu dan telah membuat peruntukan² di-bawah Kanun Tanah Negara dalam mana estet 500 ekar ka-atas tidak boleh di-jual kepada dua orang atau lebih tanpa persetujuan dari Badan Tanah Estet yang di-dirikan oleh Kerajaan² Negeri. Akibat-nya pemecahan estet² telah berkurangan hingga ka-jumlah yang kecil pada tahun² yang lepas.

Di-mana pekerjaan telah terlibat oleh penukaran milek yang sah, kebanyakan pekerja² tersebut telah di-ambil sa-mula oleh pemilek² baru itu, sa-tengah-nya telah mendapat harta dan menjadi pemilek² atau pemilek bersama tanah itu, sementara yang lain telah mendapat pekerjaan di-tempat lain. Peluang pekerjaan yang cukup di-estet² masih ada di-negeri ini.

(Dengan izin) The Government is aware of the problem and has made provisions under the National Land Code under which no estate of 500 acres and over can be sold to two or more persons without the approval of the Estate Land Boards set up by the various State Governments. Consequently the sub-division of estates has been reduced to an insignificant extent in recent years.

Where employment has been affected by legitimate changes in ownership, the majority of workers involved have been re-employed by the new owners, some workers have themselves acquired interests and become owners and part-owners of the land, while others have found employment elsewhere. Ample opportunities of employment on estates exist in the country.

7. Tuan Lim Kit Siang minta kepada Perdana Menteri menyatakan bila-kah Kerajaan berchadang menghantar Laporan Surohanjaya Pilehanraya untuk mengubah

sempadan² kawasan pilehanraya Parlimen dan Negeri kepada Parlimen untuk di-bahatikan.

Perdana Menteri: Apabila sahaja satu laporan daripada Surohanjaya Pilehanraya di-terima mengikut seksyen 8. Jadual ke-13 Bahagian 2 Perlembagaan Persekutuan dan sa-lepas pertimbangan yang sa-wajar-nya oleh Juma'ah Menteri.

8. Tuan Goh Hock Guan minta Menteri Penerangan menerangkan sama ada pehak Kerajaan akan membenarkan sharikat² bersendirian menubuhkan saluran² radio dan T.V. yang tersendiri.

Menteri Penerangan (Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie): Kerajaan tidak berniat hendak membenarkan sharikat² bersendirian menubuhkan saluran² radio dan T.V. yang tersendiri.

9. Tuan Goh Hock Guan (*Dengan izin*) asks the Minister of Finance to state what machinery has been set up to implement smoothly the housing loans which would be given under the Suffian Report.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): (*Dengan izin*) For the purpose of implementing smoothly the housing loans scheme as recommended in the Suffian Report, the Treasury has set up a new division, known as the Housing Loans Division, whose responsibility is to process all applications for housing loans received from Federal Government employees. Under Emergency Ordinance No. 48/70, a Housing Loans Fund not exceeding a sum of \$1,000 million may be raised to provide loans to Federal Government employees up to an amount of \$100 million every year.

10. Tuan Goh Hock Guan bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah beliau akan mengarahkan Pesurohjaya Pilehanraya supaya Parti² Pembangkang boleh juga mendapat angka² yang telah di-sediakan oleh Surohanjaya Pilehanraya menunjukkan pechahan semua kawasan² pilehanraya mengikut bangsa.

Perdana Menteri: Surohanjaya Pilehanraya ada-lah sa-buah badan bebas dan tidak terta'alok kepada arahan Kerajaan. Walau bagaimana pun pada dasar-nya Kerajaan tidak bersetuju supaya angka² pengundi mengikut pechahan kaum di-umumkan.

13. Tuan Richard Ho Ung Hun bertanya kepada Menteri Buroh ada-kah Kerajaan akan menimbang menaikkan kadar² pampasan pekerja, terutama sa-kali bagi pembalak² kayu dan mengadakan undang² memaksa majikan² menyediakan langkah² menjaga untuk mengurangkan kemungkinan berlaku-nya kemalangan.

Tan Sri V. Manickavasagam: Kadar pampasan di-bawah Ordinan Pampasan Orang-kerja ada-lah sekarang ini di-dalam tinjauan sa-mula Kementerian saya. Tinjauan sa-mula ini perlu di-lakukan memandangkan rancangan baru Keselamatan Sosial Pekerja, yang sedang di-mulakan. Rancangan baru ini apabila di-laksanakan, akan memberikan faedah² kepada semua pekerja termasuk pembalak².

Buat masa ini pun, pekerja balak ada-lah di-berikan perhatian istimewa di-bawah Ordinan. Majikan² mereka ada-lah di-kehendaki oleh undang² supaya mengambil insuran melindungi pekerja² mereka atau mengadakan simpanan sa-banyak \$5,000 dengan Kementerian bagi menentukan bahawa wang pampasan yang sa-patut-nya di-bayar.

Akta Kilang dan Jentera bersama² dengan peratoran² yang meliputi sa-luas²-nya yang di-buat di-bawah-nya ada-lah meliputi kesejahteraan, kesihatan dan keselamatan pekerja², dan oleh itu juga mengandungi tujuan² bagi mengurangkan bahaya² kemalangan perusahaan.

(Dengan izin) The rates of compensation under the Workmen's Compensation Ordinance are at present under review by my Ministry. This review is necessarily undertaken with due regard to the new Social Security Scheme that is being started. The new Scheme, when implemented, will provide considerably greater benefits to all workers, including loggers.

Even at present, logging workers are given special attention under the Ordinance. Their employers are required by law to take out proper insurance cover for their workers or to deposit \$5,000 with the Ministry to ensure that due compensation is paid.

The Machinery and Factories Act together with the wide range of Regulations made under it are concerned with the welfare, health and safety of workers and therefore include the objective of reducing the risks of industrial accidents.

14. Tuan Richard Ho Ung Hun bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan apa-kah langkah² yang sedang di-ambil bagi memajukan Sitiawan di-Perak sa-bagai suatu pusat pelanchong.

Tuan Mohd. Khir Johari: Kementerian saya telah melantek satu Consortium yang mengandungi empat Firma² Perunding (Consultants) yang terkenal yang di-ketuai oleh Firms Belt Collins & Associates Ltd, Honolulu, bagi mengusahakan satu program pembangunan pelanchongan yang lengkap untuk Malaysia.

Consortium Firma² tersebut telah mengemukakan shor² mereka, termasuk shor bagi pembangunan kompleks tepi pantai di-kawasan Dindings-Pangkor. Pembangunan kawasan² tumpuan pelanchong, jika di-buat berasing²an, akan membahayakan kerana mungkin terdapat persamaan dari segi daya penarek dan mengakibatkan bilangan pelanchong² berkurangan ka-daerah² tersebut, mutu perkhidmatan mungkin merosot, dan merugikan kepada ahli² perniagaan dan penanam² modal. Laporan tersebut akan di-edarkan kepada umum dengan di-kenakan bayaran yang berpatutan supaya semua pehak akan dapat faedah daripada shor² yang di-kemukakan itu.

16. Tuan Walter Loh Poh Khan minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan berapa-kah jumlah wang yang telah di-belanjakan sa-lama lima tahun yang lalu dari keuntungan Loteri Kebajikan Masyarakat dan berikan nama yayasan², ra'ayat² persaorangan dan sa-bagai-nya mengikut bangsa, yang menerima bantuan itu.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Wang yang di-belanjakan dalam lima tahun yang lepas dari keuntungan Loteri Kebajikan Masyarakat ia-lah \$61,746,229.

Bantuan² di-beri berdasarkan kepada fungsi² badan² yang berkenaan dan tidak berdasarkan kepada kaum.

Di-bawah ia-lah badan² yang telah menerima bantuan dari keuntungan Loteri Kebajikan Masyarakat:

(1) *Projek² U gama—*

Bantuan² di-bawah kepala ini ada-lah di-beri kepada Jawatankuasa Pembangunan Negeri atau Jawatankuasa² Rumah² Ibadat yang berkenaan.

(2) *Badan² Kebajikan—*

Badan² kebajikan ini ia-lah Persatuan Penchegah Penyakit TB, Jawatankuasa Kebajikan Negeri, Badan Kebajikan Untuk Orang² Buta, Orang² Berpenyakit Kusta, Kanak² Chachat dan Rumah Orang² Tua.

(3) *Projek Pelajaran—*

Bantuan di-beri kepada sekolah² persendirian untuk menambah bilek² darjah, makmal, dewan dan lain².

(4) *Kemudahan Sokan—*

Bantuan di-beri kepada badan² sokan yang mewakili badan² kebangsaan berbagai² jenis sokan.

(5) *Kelab Belia dan lain²—*

Bantuan di-beri kepada berbagai² kelab belia dan persatuan² dan perkumpulan² penuntut.

(6) *Bantuan Banjir/Kebakaran—*

Bantuan di-beri kepada mereka yang di-timpa malapetaka seperti banjir dan kebakaran.

(7) *Kebajikan Masharakat Sabah.*(8) *Kebajikan Masharakat Sarawak.*

(*Dengan izin*) The amount of money spent for the last five years from the Social Welfare Lottery profits was \$61,746,229.

Aids are given to institutions and are based on the functions of such institutions. Nationality or race of committee members of institutions are not taken into account.

The following are the institutions which have received the aids from the Social Welfare Lottery profits during the period:

(1) *Religious Projects—*

Aids under this category are given to State Development Committees or Church/Temple Committees as the case may be.

(2) *Welfare Bodies—*

Such Welfare Bodies are the Malaysian Association for the Prevention of TB, State Welfare Committees, Association for the Blind, Leprosy, Handicapped Children and Old Folks Home.

(3) *Educational Projects—*

Aids are given to private schools for purposes of extension to classrooms, science laboratories, halls and such like projects.

(4) *Sports Amenities—*

Aids are given to sports bodies representing national bodies of each type of sports.

(5) *Youth Clubs and others—*

Aids are given to various youth clubs and recognised students groups and organizations.

(6) *Flood and Fire Relief—*

Aids are given to those affected by natural disaster such as flood and fire.

(7) *Sabah Social Welfare.*(8) *Sarawak Social Welfare.*

**KOD 8145—KUMPULAN WANG AMANAH PERKHIDMATAN MASHARAKAT
DAN KEBAJIKAN**

			<i>Perbelanjaan</i>								<i>Jumlah</i>
<i>Tahun</i>			<i>Projek² Ugama</i>	<i>Badan² Kebajikan</i>	<i>Projek Pelajaran</i>	<i>Kemudahan Sokan</i>	<i>Kelab Belia dan lain²</i>	<i>Bantuan Banjir/ Kebakaran</i>	<i>Kebajikan Masharakat Sabah</i>	<i>Kebajikan Masharakat Sarawak</i>	
			\$	\$	\$	\$	\$	\$	\$	\$	\$
1966	..	..	7,799,778	2,915,570	223,000	820,500	527,445	377,000	100,000	100,000	12,863,293
1967	..	..	10,602,219	2,200,878	358,960	351,157	1,051,404	997,600	100,000	100,000	15,762,218
1968	..	..	10,036,597	2,088,059	150,000	295,200	830,164	391,200	100,000	100,000	13,991,202
1969	..	..	7,068,324	2,396,318	683,006	272,500	806,802	600,000	100,000	100,000	12,026,950
1970	..	..	2,640,462	1,820,933	1,470,981	447,000	392,300	130,890	100,000	100,000	7,102,566
JUMLAH BESAR	..	..	38,147,362	11,421,758	2,885,947	2,186,357	3,608,115	2,496,690	500,000	500,000	61,746,229

17. Tuan Walter Loh Poh Khan minta Menteri Pelajaran menyatakan tindakan yang akan di-ambil dengan sa-wajar-nya untuk merentikan perbalahan antara Dewan Bahasa dan Pustaka, Universiti dan Institiut Hubongan Raya masing² chuba menchipta istilah² baru dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Sa-benarnya tidak ada perbalahan antara Dewan Bahasa dan Pustaka dengan Institiut Perhubungan Raya Malaysia atau dengan Universiti. Mungkin yang di-maksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ini ia-lah perbalahan saperti yang di-siarkan dalam akhbar² tempatan di-antara Enche' V. Prakash, Yang di-Pertua, Persatuan Kakitangan² Akademik Universiti Malaya dengan Dewan Bahasa. Jika demikian, Yang di-Pertua, Persatuan Akademik Universiti Malaya tidak boleh dianggap sa-bagai mewakili pihak Universiti Malaya sendiri.

Berkenaan dengan penchiptaan istilah², saya sedar tentang ada-nya Jawatan-kuasa² Istilah bagi bidang² tertentu bukan sahaja di-Universiti Malaya tetapi juga di-Universiti² Kebangsaan dan Pulau Pinang. Jawatan Kuasa² Istilah ini ada-lah berhubung rapat dan bekerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Walau bagaimana pun, saya sudah juga mengadakan perjumpaan² dengan Yang di-Pertua, Persatuan Kakitangan² Akademik Universiti Malaya itu serta pihak² Dewan Bahasa, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan dan Universiti Pulau Pinang. Saya harap perbalahan demikian tidak akan berlaku lagi.

RANG UNDANG²

RANG UNDANG² (PINDAAN) EKSAIS

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, I beg to move that a Bill intituled "An Act to amend the Excise Act, 1961" be read a second time.

The purpose of the Bill, as stated in the Explanatory Statement, is to re-embodiy the amendments to the Excise Act, 1961 made under the Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 25 of 1970 into a permanent law. These amendments were made as a result of the various proposals received in

the Treasury relating to the bottling and canning of toddy by certain manufacturers for both export and domestic consumption.

Prior to the amendments to the Act, there were no provisions in the law regulating the manufacture and sale of toddy. In view of the interest shown by domestic manufacturers in bottling or canning toddy it was necessary to amend the definition of "intoxicating liquors" in section 2 of the Act to include the manufacture of toddy as well. The amendment will enable the Royal Customs and Excise Department to exercise control over the activity of canning and bottling of toddy in the same manner as other alcoholic beverages are dealt with, namely by means of licensing under section 16 of the Act. It would also enable the Government to impose an excise duty on canned or bottled toddy.

Other amendments to the Act, as stated in the Bill, are merely consequential amendments arising from the move to allow the manufacture and sale of toddy in bottles or cans. Briefly, these amendments will permit retail shops to sell bottled or canned toddy in the same manner as beer or stout. They will also permit consumers to purchase, possess, carry or consume preserved toddy in the same manner as beer or stout. The amendment will also withdraw the power delegated to the Licensing Boards by the Minister of Finance under L.N. 156 of 1962 to issue toddy shop licences. This will enable the Government to have greater control over the manufacture and sale of this dutiable item in order to guard against loss or evasion of revenue.

Sir, I beg to move.

Menteri Pertanian dan Tanah (Tan Sri Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

Tuan V. David (Dato Kramat): *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, it is not my intention, of course, to elaborate much about the drinking of toddy, but I think I must make certain observations on the Bill.

First of all, I must categorically point out that I am not interested, of course, in any form of alcoholic drinks, being a teetotaler myself. But it would be unfair on my part to be selfish to advocate that others should not drink because I do not.

Mr Speaker, Sir, it cannot be denied that unless and until the sale of toddy is permitted in a simpler form, the illicit samsu cannot be eliminated from our midst. If the Government, Sir, is genuinely keen to save the people from the dreadful horror of illicit samsu which destroys the hearts and lungs of those who drink, the only solution is to encourage the sale of toddy in all places, including authorisation to take home.

Mr Speaker, Sir, to-day it is most unfortunate that in every part of the State and in every corner illicit samsu is sold and the victims of this drink are countless workers who are unable to purchase drinks that are expensive. Sir, the Government has a duty to save the people from this dangerous drink, which is a dreadful killer of human lives.

Mr Speaker, Sir, hospital records of the past decade will prove that illicit samsu has destroyed many lives. The Customs authorities, who are supposed to be vigilant to stamp out this illicit samsu, have very badly failed. Instead of eliminating illicit samsu, it has been increased in many places. Young men and even boys are becoming more and more addicted to this most dangerous form of drink.

Mr Speaker, Sir, when we examine the toddy shops, it is a disgrace to our modern civilisation. Most toddy shops are dirty, filthy and most unhygienic. Sir, all forms of exploitation dominate in the toddy shops. The poor, ignorant and weak people of our society, who have no other choice except to drink toddy because of their limited income, are being bullied and exploited. The present toddy shops and the manner in which the sales are conducted, reflect on the colonial era where the merciless colonial exploiters denied self-respect to the poor workers who had no choice except to patronise the unhygienic toddy shops, which to-day continue unchanged and undermine all forms of modern standards. The Government, Sir, has been unfair to the workers in this case. The Government should realise that they are no more the same immigrant and indentured workers of the colonial days but respectful citizens who have the right for better facilities in our civilised community.

Mr Speaker, Sir, to-day the toddy shops are dominated by racketeers where the strong prey on the weak. Even to drink toddy, the

customers have to hire a mug which is not being provided by the Government. Thus the Government extracts a large amount of revenue by mere exploitation of the poor workers. Sir, this is a disgraceful state of affairs. How could one justify the actions of the Government, which should be fair and reasonable to the consumer, when it expects a large scale of profit? All forms of malpractice and indecency dominate the present toddy shops. Sir, gangsterism and hooliganism are encouraged because of the Government's failure to be fair to the toddy drinkers.

Mr Speaker, Sir, to my mind, toddy should be made the popular drink of the poor and the people who are unable to enjoy the expensive drinks that are normally enjoyed by the privileged class of people. Sir, toddy should no more be a segregated drink, and it should not only be sold in isolated places. This method encourages black-marketeers to breed on the weakness of those who are thirsty for toddy. Mr Speaker, Sir, toddy should be available in all places without any restriction except that the price should be controlled by the Government. Sir, toddy should be sold in all places like beer, brandy and all other drinks. If we are going to save the people from the dreadful horror of the dangerous illicit samsu, then we must act with speed and the following must be incorporated in the Bill:

- (1) To permit the sale of toddy in all places—when I say “toddy”, Sir, I mean fresh toddy—without any form of restriction.
- (2) The price of toddy should be made the minimum and determined by the Government.
- (3) It must be served hygienically with decency and respect.
- (4) The glasses must possess specific measures, and places where toddy is served must be equipped with modern facilities similar to that of a Bar.
- (5) Customers should be permitted to buy and take home, if necessary, as it is the practice with the other drinks.
- (6) Tapping area of toddy should be widened, so that there will be no shortage of supply.

Mr Speaker, Sir, medical experts have certified that toddy is a harmless drink and it contributes to health and vitality. Sir, to

save the people from illicit samsu, the Government must embark on meaningful steps that will answer the demand from our modern society. Mr Speaker, Sir, while the Bill only advocates for the canning and bottling of toddy, I would go further and say that provisions should be made so that fresh toddy could be available in all places. Thank you.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, sukachita saya mengambil peluang untuk berucap dan memperkatakan sedikit sa-telah masa kita membicarakan Akta (Pindaan) Eksais, 1971 ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, bahawa sunggoh-nya sekarang ini kita nampak satu minuman baharu akan di-masokkan di-negara kita ini sa-bagai satu minuman yang mustahak dengan sebab di-samakan todi dengan minuman keras yang akan di-keluarkan lesen-nya oleh pihak Kerajaan kita. Tuan Yang di-Pertua, bahawa sunggoh-nya di-negara kita ini sudah chukop banyak minuman² keras yang telah ada, daripada arak, samsu yang haram, todi dan sa-bagai-nya. Jadi, saya rasa perkara penyakit minuman keras ini ada-lah satu penyakit yang merbahaya di-dalam negara kita. Kita tidak boleh memandang bahawa sa-sunggoh-nya hanya kita mahu mengambil chukai di atas minuman² keras yang mana minuman² ini ada-lah mahal harga-nya dan banyak chukai yang akan di-ambil oleh Kerajaan kita, tetapi hendak-lah kita memandang kepada keadaan ra'ayat di-negara kita ini yang makin sa-hari makin di-sogokkan dengan minuman² keras melalui iklan² yang ada di-seluruh negara kita ini. Jadi, dengan ada-nya berleluasa minuman keras di-negara ini maka kita dapati bahawa sa-olah² negara kita ini sudah tidak lagi menghormati Islam sa-bagai U gama Rasmi.

Dato' Yang di-Pertua, saya amat dukachita dengan kejadian² baharu ini, di-mana dalam satu Jamuan Majlis Negara, yang saya sendiri telah hadir, di-mana minuman² keras telah di-hidangkan dengan sa-mewah²-nya. Jadi, Dato' Yang di-Pertua, perkara ini amat mendukachitakan saya, walau pun saya tahu bahawa sunggoh-nya di-Dewan yang mulia ini—di-Parlimen telah di-putuskan ia-itu minuman² keras tidak boleh di-hidangkan di-Jamuan² Negara, tetapi oleh sebab ada orang² yang amat suka dengan keadaan² ini,

maka di-hidang-lah minuman² yang sa-demi- kian itu dan saya sendiri, Dato' Yang di-Pertua, terpaksa minum ayer sejok dua kali kerana tidak ada pun ayer yang lain daripada minuman keras di-jamuan yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sa-patut-nya di-sabuah negara saperti kita ini, sa-buah negara Malaysia yang menjadikan Islam sa-bagai ugama rasmi dan ra'ayat kita ini terdiri daripada berbilang² bangsa sa-bahagian besar-nya berugama Islam kita mengharamkan semua sekali arak termasuk dalam negara kita ini, sama ada minuman itu merupakan arak, merupakan todi, atau pun sa-bagai-nya kerana menghormati ugama Islam, ugama rasmi dan saya rasa ugama yang lain daripada ugama Islam pun ta' suka pengikut²-nya, penganut²-nya meminum minuman keras.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu dengan ada-nya minuman keras ini bukan mendatangkan kesihatan kepada ra'ayat, tetapi menambah lagi tidak sehat-nya ra'ayat negeri ini sama ada tidak sehat daripada tuboh badan atau pun daripada jiwa-nya dengan sebab apakala sa-saorang itu sudah menjadi peminum, atau penageh arak, penageh minuman keras, maka mereka tidak silu² dan tidak ragu² menggunakan wang dan masa-nya untuk perkara yang tersebut sedang- kan perkara ini perkara yang tidak kita sukai. Sa'at kita menggunakan masa untuk pembangunan negara kita, pembangunan di-segi mental kita dan di-segi masharakat kita. Lebih baik perkara ini kita singkirkan daripada negara kita ini sesuai dengan keadaan dan kehendak seluroh ra'ayat dalam negeri ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, pada akhir-nya saya shorkan supaya Kerajaan menimbang- kan agar di-haramkan semua minuman² keras sama ada merupakan arak, sama ada merupakan samsu, sama ada merupakan todi, atau sa-bagai-nya, apa-tah lagi di-Jamuan² Rasmi dan di-Jamuan² Negara. Terima kaseh.

Tuan V. Veerappen (Seberang Selatan): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, the Honourable Member who spoke last objected very strongly to liquors of all forms. Although I agree that it may be desirable that we should abolish all forms of liquor, Sir, I think it would be impossible to do so. Several countries have tried it and have given up in vain. I think India still tries it; some States in India do have prohibition, but this has

given rise to several other abuses, like black-marketing and illegal distilling which is even more dangerous. As the Member for Dato Kramat said, the prevalence of illicit samsu and moonshine has caused a considerable number of deaths in this country. Young people who go for this die very young also. I therefore, Mr Speaker, welcome this Bill. I think it is a move in the right direction because it not only enables toddy to have a larger commercial use but it also gives the Minister the power to adjust. In the previous law, I think, it was rather rigid and there is some flexibility here. But one thing that bothers me is that why is it among all the liquor drinks and beverages—brandy, beer and all that—that fresh toddy is subjected to so much control? One must drink it in the Government toddy shops or in licensed toddy shops, one cannot take it out and one must buy it from Government toddy shops.

It is a strange thing that when the colonial masters were here, toddy was the first and I think, the only thing they ever nationalised. They never wanted to nationalise anything else but toddy. So toddy is a Government business. What a shame! And we still continue it. I should like to advocate that toddy should be sold in all bars and people should be enabled to take it home even. Toddy is a wholesome drink and I should say it is a national drink today. You do not find only people from the estates drinking toddy. You can go into any toddy shop, Brickfields or Imbi Road or wherever you want, and I think you will find people of all types enjoying this drink. But it has got a very low or poor name because it has been associated with the drink of the poor. I think I agree with the Member for Dato Kramat that we should elevate it to a better position as a national drink. In this respect, Mr Speaker, the amendment to Section 41 is rather restrictive. It reads—

“(a) the establishment and operation of toddy shops and the sale of toddy by retail for consumption on such premises,”

I wonder whether the words “or elsewhere” could be added. Similarly, I would wonder whether (b) and (c) could be amended slightly to read as follows:

“(b) the regulation of prices at which toddy shall be sold in the toddy shops or at such licensed bar;

(c) the issue of toddy shop and bar licences”

Perhaps this would enable toddy to be consumed in better surroundings, perhaps in rooms, without being subjected to all the thugs and gangsters as the Member for Dato Kramat said. I believe that even with all the restrictions that we have at present toddy is still taken home and consumed by people in high places. I therefore would like the Minister to consider this.

Finally, I hope, Mr Speaker, Sir, this does not in any way deprive the revenue that should accrue to the States. Revenue from toddy is a State revenue and although the Minister will have the power to license toddy shops and to issue licences for canning toddy, I would be much obliged if the Minister could let us know how he is going to allot the revenue from toddy. Thank you.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda (Kota Bharu Hulu): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri ini ia-lah untuk menyokong sahabat saya yang berchakap sa-bentar tadi tentang betapa negara kita ini tidak memberi perhatian yang berat tentang kerosakan moral dan tentang bagaimana chara hendak membaiki chara berfikir hidup ra'ayat dalam menghadapi soal minuman keras dalam negeri ini. Walau pun negara kita telah menjadikan Islam sa-bagai agama negara, tetapi nampak-nya sampai sekarang ini dalam amalan²-nya maseh belum dapat lagi hendak di-sesuaikan dengan hakikat Islam sa-bagai agama negara itu.

Sa-bagai chontoh apa yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun tadi ia-lah maseh lagi di-edar minuman² keras di-dalam Jamuan² Negara.

Saya maseh ingat, Tuan Yang di-Pertua, beberapa tahun yang lalu, Dewan yang mulia ini telah pun membuat keputusan bahawa minuman keras di-haramkan untuk di-hidangkan dalam Jamuan² Negara dan di-mana² jamuan yang di-belanjakan dengan wang negara. Akan tetapi sa-panjang yang saya ingat pada masa² yang akhir ini waktu lawatan rasmi Presiden Suharto dari Indonesia, satu jamuan telah di-adakan dan boleh di-katakan terlalu munchah dengan minuman² keras dan baharu² ini sa-waktu Jamuan Negara di-adakan untuk mera'ikan Hari Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga minuman² keras

memainkan peranan yang hebat sa-kali dan harap maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat juga menyebutkan bahawa dalam jamuan yang di-adakan oleh Tuan Yang di-Pertua sendiri di-dalam Rumah yang mulia ini kerana mera'ikan—saya lupa sama ada hari Pertabalan atau pun hari Pembukaan Rasmi Parlimen kita ini juga di-hidangkan minuman² keras. Saya tidak mengetahui apa-kah jamuan Yang di-Pertua itu daripada wang Yang di-Pertua sendiri atau daripada wang negara, tetapi sa-bagai menghormati Parlimen yang telah pun memutuskan bahawa minuman keras itu tidak boleh di-hidangkan dalam Jamuan² Rasmi Negara. Ada baik-nya keputusan ini di-ta'ati dan di-patohi dengan sewajar-nya supaya dapat memberikan gambaran kepada negara, kepada ra'ayat seluroh-nya tentang bagaimana ta'at-nya pemerentahan kita mengikuti tiap² keputusan yang telah di-buat. Barangkali kalau di-fikir²kan sa-chara halus² akan terasa juga malu-nya kita bila membandingkan dengan apa yang berlaku di-negara India sendiri di-mana minuman keras bukan sahaja di-haramkan di-hidangkan, tetapi di-haramkan untok di-bawa masuk ka-dalam negara itu. Apa pun soal ada orang² yang menchuri minuman, itu soal lain, tetapi atas semangat negara itu patut-lah Malaysia mencontohi semangat yang sa-demikian wajar supaya negara yang terang² menjadikan Islam sa-bagai ugama rasmi itu akan mengharamkan terus apa sahaja jenis-nya minuman keras itu. Soal bahaya-nya minuman keras ini tidak perlu di-ulang lagi kerana itu telah nyata. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, pehak kami di-sini berasa kesal atas apa yang telah berlaku dan mudah²an Tuhan memberi taufek dan hidayah kepada Perdana Menteri kita yang baharu ini supaya memikirkan soal ini dengan halus²-nya dan moga² kita tidak akan di-kutok peri zaman keturunan yang akan datang tentang betapa kita memper-main²kan tentang Islam sa-bagai ugama negara.

Tuan. Tajudin bin Ali (Larut Utara): Dato' Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan saya terkejut ucapan yang telah di-buat oleh Ahli² PAS khas-nya Ahli dari Kota Baharu Hulu, dan Ahli dari Dungun, menempelak Kerajaan kerana menghidangkan minuman keras dalam Jamuan Negara dan sa-bagai-nya. Saya suka bertanya kepada

Ahli Yang Berhormat itu siapa berhak melesenkan kedai minuman di-negeri Kelantan. Siapa berhak melesenkan dan mengutip cukai di-atas jualan babi dan sa-bagai-nya.

Dato' Yang di-Pertua, memang ugama rasmi negara ini ia-lah Islam, tetapi satu negara yang di-diami oleh berbagai² kaum dan satu negara yang baharu sahaja menchapai taraf kemerdekaan dan kita mengamalkan demokrasi, pemerentahan sa-chara demokrasi, kita mesti-lah ada banyak pandangan yang luas, jangan buat sempit macham pandangan PAS itu. PAS apabila satu² perkara yang memberi faedah kepada mereka, mereka katakan halal.

Dato' Yang di-Pertua, dalam pilihanraya tahun 1959, todi sudah memberi faedah yang besar kepada orang PAS kerana di-kawasan Krian Darat chalun kita hampir² menang, tetapi orang² PAS ini bawa hantar banyak todi ka-estate² bagi mereka itu mabok, maka dengan itu sudah pun memberi faedah besar kemenangan pada pehak PAS. Jadi kalau perkara itu berfaedah kepada PAS ha! halal, kalau tidak berfaedah, haram. Ini Islam apa ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai kita mengamalkan pemerentahan demokrasi, dalam kawasan saya Larut Utara, Dato' Yang di-Pertua, banyak orang² India, saya harap Kerajaan fikir sa-mula menjualkan todi ini tiap² estate terutama sa-kali pada masa sekarang ini waktu getah sudah jatuh murah dan gaji buroh² sangat-lah rendah, mereka terpaksa naik bas, berjalan kaki berbatu² kerana hendak minum todi. Siapa yang minum todi mesti minum todi, dia mesti mahu minum todi. Macham mana kita tahan pun, dia mesti hendak minum. Saya sa-bagai manusia biasa dan sa-orang Ahli Parlimen yang bertanggung-jawab, yang haram biarkan pada dia. Dia hendak masuk neraka, biarkan dia. Apa yang kita hendak kira, apa yang kita hendak tahankan, saya sangat bersimpati dengan mereka ini, saya shorkan kepada Kerajaan jangan-lah kita monopoli jualan todi ini, kerana saya sa-umor hayat saya, saya ta' pernah tengok lagi orang mabok jatuh kasungai dan sa-bagai-nya kerana minum todi. Minum arak ya, tetapi minum todi ta' apa, perkara ini berfaedah kepada seluroh daging dia dan berfaedah kepada kekuatan dia dengan kerana ini dia akan bekerja lebih kuat lagi, menoreh getah kuat lagi dan berfaedah kepada dia dan kepada Kerajaan. Hal dia antara Tuhan terlanta² lah dia.

Dato' Yang di-Pertua, berkaitan dengan ini saya rasa kadang² Kerajaan kita selalu tergesa², saya telah pun dalam Dewan ini bersidang menhadangkan satu sumber revenue yang besar kepada negara kita ia-itu chandu, sebab chandu di-haramkan. Orang² hisap chandu juga merata² lebeh banyak lagi dan todi pun begitu juga terutama sekali sedang getah sudah jatuh. Hasil kita pun sudah kurang, mengapa dan ra'ayat pun susah terutama sekali orang² Tamil di-estate² menderita, Dato', menderita sebab kerana hendak chari todi dan saya harap orang² PAS sana fikir sa-kali lagi jangan kata pandai pegang tasbih sahaja di-belakang lain kerja-nya. Ini kita tidak boleh buat terutama sa-kali dalam negara kita ini dan saya harap Kerajaan benarkan dan satu ucapan Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat tadi, saya rasa, sangat² berpatutan dan harap Kerajaan mengambil perhatian benar² diatas perkara itu. Terima kaseh.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, I must say that this debate has been a rather interesting one and I am indebted to my Honourable friend, the Member for Larut Utara, for answering so effectively the Honourable Members of the P.M.I.P. I would like to add only one thing, and that is, that it is not so easy to establish or create morality by legislation. Honourable Members opposite are probably aware that one or two countries have tried to prohibit drinking, but human nature being what it is, the surest way to make a person want to do something is to tell him that he should not do it and that applies particularly to hard liquor.

The Honourable Member for Dato Kramat has asked the Government to stop illicit distilling. For more reasons than one, we certainly agree with him, and the Government will certainly do everything we can to, I would not say stop, reduce the incidence of illicit distilling, because I do not think it is possible to stop anyone from breaking the law completely. We will certainly do that, but I would also suggest that the Honourable Member himself, who is a leading trade unionist, might persuade his own co-workers to stop drinking illicit toddy because I agree with him that this does them no good at all. He suggests that we should encourage the drinking of fresh toddy, and he also suggests that we should make fresh toddy available all over the place. I cannot agree with him more, but I wonder how many of those sitting

on the opposite benches really know the nature of fresh toddy. Probably unlike those of us who have been associated with the rubber planting industry, they are not aware that because toddy is fresh it is not so easy to make it available everywhere. If it is a day old it is more fermented, and the alcoholic content goes up. So it is one thing to drink toddy which has been freshly distilled, and another to drink toddy even twenty-four hours old; and because of that I believe the Government in the past has legislated to the effect that toddy must be drunk on the premises. That, I think, must be the rationale for that regulation. I entirely agree that a glass of fresh toddy is enjoyable—I myself can still enjoy a glass of fresh toddy—but then that cannot be kept. Once it is kept, it is really a different kind of toddy.

The Honourable Member for Seberang Selatan suggests that the regulations which can be made by the Minister of Finance could be rigid. They are not rigid, they could be rigid, I agree; and I certainly shall bear that in mind: I agree with him that there is no harm in the drinking of toddy provided you drink in moderation, I think. But this Bill will meet the very misgivings raised by both the Honourable Member for Dato Kramat and the Honourable Member for Seberang Selatan, because with the canning and bottling of toddy it will be possible for the sales to reach a wider consuming public and it will then be possible for toddy to be drunk in places other than in the premises, or the building in which it is actually distilled.

Usul di-kemukakan bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sebagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*).

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² ZON PERDAGANGAN BEBAS

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I beg to move that a Bill intituled "An Act to make provisions for the establishment of free trade zones in the Federation for promoting the economic life of the country and for connected purposes" be read a second time.

As Honourable Members are aware, the Government is at present making every effort to accelerate the pace of industrialization in the country. I need hardly emphasize the urgent need for rapid progress in industrialization which is so important for our future economic and social stability. The industrialization programme includes not only the promotion of import substitution industries but, equally important, the promotion of export-orientated industries as well. To achieve these objectives, various investment incentives have been offered in the past as reflected in the Investment Incentives Act, 1968 and more efforts are being made to find ways and means to achieve these objectives. The Bill now before the House is yet another effort in this direction for it seeks to provide further industrial incentives.

At present goods that are imported for the purpose of export-orientated industries are subject to normal customs formalities and procedures as required under the Customs Act, 1967. These formalities and procedures include declaration of the raw materials on import and the finished products on export. The imported goods are also liable to customs duties unless they are granted exemption on application or, if no such duty exemption is given, they may be allowed duty drawback under certain circumstances. It is recognised that these formalities and procedures involve the tying up of capital, some delay and inconvenience. In order to eliminate all these difficulties, it is now proposed to make provision for the creation of free trade zones in the country in order to encourage the growth of export-orientated industries as well as to facilitate the entrepot trade.

A free trade zone as envisaged in this Bill is deemed to be a place outside the Federation, and this is effected by a provision in this Bill to amend the Customs Act. With

this amendment, a free trade zone, being a place outside the Federation, will not be subject to the provisions of the Customs Act. This would mean that goods brought into a free trade zone or taken out of it for export will not be liable to customs duty nor subject to customs formalities and procedures. It is to be noted, however, that these concessions will not apply to goods which are specifically and absolutely prohibited by any written law.

I would also like to point out that in a free trade zone industries will be allowed to manufacture goods with the minimum of controls. Traders who are engaged in the entrepot trade will be given adequate facilities in a free trade zone for their activities as provided in Clause 6 of the Bill.

It is to be hoped that all the concessions, facilities and conveniences provided under a free trade zone arrangement as outlined earlier will encourage more industrialists to invest in export-orientated industries.

Sir, I beg to move.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

Tuan Haji Ahmad bin Said (Seberang Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang² ini yang mana saya fikir sangat-lah mustahak dan perlu di-adakan satu Zon Perdagangan Bebas. Pada masa dahulu saya telah pun menuntut supaya di-adakan Custom bonded warehouse di-Pulau Pinang tetapi sekarang di-namakan Zon Perdagangan Bebas ada-lah sama ma'ana-nya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Malaysia ini ada dua tempat, satu Pulau Pinang dan satu lagi di-Labuan yang menikmati pelabohan bebas, ma'ana-nya penduduk² dalam tempat ini menikmati kebebasan daripada kena chukai barang² yang masuk daripada tempat² ini.

Dengan ada-nya zon perdagangan bebas ini saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya di-hapuskan ada-nya pelabohan bebas di-Pulau Pinang dan di-Labuan. Dengan ini akan memberi sama taraf kedudukan ra'ayat Malaysia di-mana juga mereka dudok, berma'ana-nya mereka kena-lah chukai sa-chara langsung atau tidak sa-chara langsung.

Pulau Pinang pada masa dahulu-nya mendapat keuntungan yang besar daripada perdagangan boleh di-katakan entrepot trade, ia-itu barang² perdagangan daripada utara Indonesia atau Burma datang ka-Pulau Pinang dan di-exportkan. Oleh kerana tidak ada zon perdagangan bebas ini pendapatan negeri Pulau Pinang berkurangan dan tidaklah begitu baik. Dengan ada-nya zon perdagangan ini, saya perchaya entrepot trade akan berjalan dan akan mendatangkan banyak keuntungan kepada Negeri Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang menyebabkan perdagangan tidak begitu banyak datang ka-Pulau Pinang manakala bahan² daripada luar atau barang² yang import yang hendak di-bawa masuk daripada luar kena surtax, jadi sebab itu-lah orang² yang hendak membawa barang² perdagangan ka-Pulau Pinang itu terpaksa mengubah tempat mereka pergi ka-Singapura. Dengan ada-nya zon perdagangan bebas ini saya perchaya-lah banyak lagi ahli² perdagangan daripada luar akan datang ka-Pulau Pinang khas-nya dan akan memberi banyak peluang kepada orang² yang tidak mempunyai pekerjaan dan kepada ahli² perdagangan dan perniagaan supaya dapat mereka itu peluang berniaga dari peluang² yang lain lagi.

Saya berharap-lah bagaimana ranchangan hendak menghapuskan pelabohan bebas Pulau Pinang itu pada masa dahulu di-jangka dalam dua belas tahun saya perchaya-lah dan dengan ada-nya zon perdagangan bebas ini akan di-hapuskan dengan sa-chepat mungkin kerana tempat Pemereksaan Kastam di-Butterworth itu menyebabkan beberapa kerumitan orang yang berulang alek daripada Pulau Pinang ka-Seberang Prai oleh kerana tiap² orang yang berulang alek itu terpaksa di-periksa oleh Pegawai Kastam dan juga oleh kerana pelabohan bebas itu ada, negara kita rugi daripada cukai yang patut dikenakan di-sebabkan banyak di-antara orang² yang menyeludup barang² dan melarikan cukai. Oleh itu molek sangat-lah di-adakan zon perdagangan bebas ini supaya di-hapuskan pelabohan bebas dan seluroh ra'ayat Malaysia ini akan menikmati satu keadaan yang lebih baik lagi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan V. Veerappan: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, the Explanatory Statement in the Bill says that:

"With the continuing extension of customs duties to Penang Island, it has indeed become necessary to create a free trade zone on Penang Island to cater for its entrepot trade".

and the Honourable Member for Seberang Utara, who is my direct opposite, was also thinking and speaking in terms of Penang and he was also misled by this fact. Fortunately, the Minister in his introductory speech said that this is for the whole country. But, apart from that, this Bill here, Mr Speaker, seeks to reinstate the provisions of the Emergency Ordinance No. 26, 1970 which took effect quite some time ago and far from helping Penang in the implementation of this Ordinance, which preceded this Bill, one would come to this irresistible conclusion that it has been used, to some extent at least, against the interest of the State of Penang.

In fact, the first free trade zone, I think, was not established in Penang at all, although the need for Penang was all the greater, as the Member for Seberang Utara said, as, since the erosion of the free port status, a lot of trade has gone away. I am not jealous that free trade zones are established in other States although I come from Penang. However, one would begin from what we have. We should not put the cart before the horse. Penang, Mr Speaker, Sir, has been the major port in the country and the people as a whole depended almost entirely on the free port and the entrepot trade. Large financial and commercial houses have grown and flourished in Penang. In addition, there has been a lot of raw materials which come in, which are processed, packed and exported from Penang and this has supported a very large labour force, large numbers of people who are employed there.

However, as has been asked for by the Member for Seberang Utara, the Central Government has consistently and continuously reduced this free port into a mere backyard. Except for a few goods, most of the things in Penang are subject to customs duties. Even in this session, I think, we have large bundles of Customs Orders which extend customs duties to so many goods in Penang. To top it all, as the Member for Seberang Utara said, the Government has imposed this surtax. From this year, I believe,

the surtax has been doubled and has been made to 4%. This is the unkindest cut of all. Also, this has driven the entrepot trade, which ran into hundreds of millions of dollars, away from Penang—in fact, into the arms of our competing neighbours. The shops are empty of people, the factories have been silenced and people have been left idle and unemployed, whereas our neighbours are profiting from our own default. This is like cutting one's nose to spite one's face.

The Member for Seberang Utara wants the free port to be abolished straightway. But I hope he is not unaware of the fact that many countries would like to have free ports. Why do they have free ports? What is the necessity for free ports? I hope he has thought about it. He says Penang profited a great deal but the trade has gone down now. Yes, if the people of Penang profited, I am sure the Treasury collects the income tax and so what you lose a little in one hand, you gain a lot in another hand and then you have a lot of people who are employed. The crying need today is for employment. Which is important—a little bit we lose or the great employment we create? You know, Penang has the highest rate of unemployment. This move is an unwise, vindictive and short-sighted action. This has brought the wrath of the people of Penang against it and the last election was a good example. The Alliance Party was dealt a heavy blow and twenty out of the twenty-four candidates fielded by the Alliance lost. The M.C.A. and the M.I.C. have been completely wiped out of the State Assembly.

In spite of this, the Government, Mr Speaker, to my mind, continues to ignore Penang, may be with the object of teaching it a lesson. I hope it has changed its mind. Under the powers of the Free Trade Zone Emergency Ordinance, it has set up free trade zones not in Penang—Penang was not the first—but in Negri Sembilan and Malacca: and incidentally Malacca happens to be the Minister's home State. But there is nothing wrong, as I said, in bringing life to a "sleepy hollow", but you must not kill the thriving port and the prosperous industry. We must build on what we have and not on what we do not have. As such, Mr Speaker, Sir, the best thing for the Government to do is to restore the free port status so that Malaysia as a whole can at least compete with our more aggressive and successful neighbours,

but this may be like asking for the moon. I, therefore, warn the Government that if it makes further extensions of custom duties to Penang Island, it will be ruining itself and the country. There should be no further extension of customs duties until and unless free trade zones are established in Penang and are in full operation. I also call upon the Government to remove the 4% surtax as a matter of immediate relief. If we want to help Penang we must do this.

Today, Mr Speaker, Sir, there is one free trade zone that has been established in Penang, and that is in the airport area. Penang Airport has not been an international airport by any standard and cargo by air is limited, but no free trade zone has even till today been approved for the handling and processing of raw materials and goods which was the backbone of Penang and which brought in millions. The Minister of Commerce and Industry has stated that the Government will approve not one nor two but three such areas, if I am correct, because of the peculiar position and history of the Port. But to-date, as I said, we have only one small area of 25 acres when, I think, the State Government asked for 250 acres. All this goes to show that there is some sort of dislike or jealousy or hatred against Penang. I hope the new Government, with a new outlook, will have a different and new outlook. Nevertheless, I must urge the Government to speed up its approval of at least one more free trade zone to enable processing, packing and exporting of goods which would give employment to a large number of unemployed in Penang.

The other matter I would like to touch upon, Mr Speaker, Sir, is that of tax-free purchases to tourists. I appeal to the Government, particularly to the Minister of Finance, to introduce a scheme whereby tourists can purchase tax-free goods not only in Penang, but anywhere in the country. This has been done quite successfully in Japan and in several other countries by a simple process. Today we are trying our best to woo tourists—big promotional and advertising campaigns have been started. If tourists can be enabled to buy goods tax-free, it will be a great fillip and a tremendous boost to our infant tourist industry.

I notice, Mr Speaker, that in Clause 3 (1) provision is made for the Minister to consult the Government of the State concerned before

declaring, or creating, a free trade zone, but in Clause 2, unfortunately, there is no such provision. Clause 2 is the Clause that provides authority for the free trade zones, but in this there is no provision for consultation with the State Government. Mr Speaker, Sir, the States are playing an active and effective role in creating industrial estates, free trade zones and creating employment opportunities, although these are all Federal matters. Therefore, it is but right and essential that States should be taken into confidence and consulted. I hope the Minister would make provision for such consultations with the States concerned.

The second matter on the Bill itself is Clause 4. Clause 4 provides for the setting up of an Advisory Committee. But here, too, the States have been overlooked. There is no provision for State nominees. This is an important omission, I think. Although all the States need not be represented, at least those States which have ports like Malacca, Negri Sembilan, Johore, Pahang and Penang should and ought to be represented. I strongly urge the Minister of Finance to remedy this and make provision for State nominees to be in the Advisory Committee. Terima kasih.

Dato' Haji Mohammad Asri bin Haji Muda:

Tuan Yang di-Pertua, memang chara hendak menubuhkan satu zon perdagangan bebas seperti negara kita ini ada-lah satu hal yang amat baik sa-kali lebeh² lagi oleh kerana ada-lah di-chadangkan bahawa sa-tengah² kegiatan pengilangan akan di-benarkan dalam zon perdagangan bebas itu. Ini pada pandangan saya akan dapat menambahkan lagi jenis² pengeluaran perusahaan bagi negara kita ini untuk di-perdagangkan keluar negeri. Chuma satu perkara sahaja yang saya hendak sentoh, Tuan Yang di-Pertua, di-sini ia-lah di-dalam soal kita hendak mengadakan kilang² untuk memperoses atau sa-bagainya di-dalam kawasan zon perdagangan bebas itu hendak di-berikan perhatian yang berat kepada jenis² perusahaan yang perlu atau pun yang menasabah bagi di-bena atau di-bangunkan dalam kawasan zon perdagangan bebas itu. Pertama sa-kali ia-lah supaya jenis² perdagangan itu tidak akan bertentangan dengan perusahaan² yang telah pun wujud di-dalam negara kita ini, terutama sa-kali perusahaan yang di-pegang oleh anak² bumiputra.

Sa-bagai satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah seperti perusahaan batek di-negeri Kelantan dan Trengganu mungkin kalau di-dalam kawasan zon perdagangan bebas ini di-beri kebenaran bagi mendirikan kilang memperoses batek. Ini akan menjadi sa-bagai suatu chabaran dan anchaman yang besar kepada perusahaan batek yang telah sedia ada di-negeri² di-Pantai Timor itu, sebab di-kawasan zon perdagangan bebas ini mungkin akan mendapat bahan² yang chukup yang bahan² itu tidak perlu di-kenakan chukai oleh kerana bahan itu dapat di-masokkan terus ka-dalam kawasan zon perdagangan bebas. Dan hasil daripada usaha² yang di-buat memperoses atau pun memperengkatkan chara² pembuat batek itu yang menyebabkan belanja untuk membuat batek itu harus lebeh murah daripada belanja² yang dapat di-lakukan oleh pengusaha batek² yang ada sekarang ini. Dengan demikian itu dari segi pertandingan untuk mendapat pasaran yang baik di-luar negeri harus-lah batek² yang di-usahakan oleh anak negeri yang sedia ada di-sabelah negeri Pantai Timor itu akan menghadapi kemerosotan yang hebat sa-kali. Sa-bagai satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, dapat-lah saya nyatakan di-sini bagaimana kegelisahan yang timbul di-kalangan pembatek² di-Pantai Timor itu oleh kerana ini berhubung dengan pada masa sekarang ini ada-nya kilang² memperoses atau membuat kain batek itu di-Pulau Pinang. Walau pun Pulau Pinang dari sedikit demi sedikit telah di-usahakan supaya bertambah hilang kuasa²-nya sa-bagai sa-buah pelabohan bebas ada jenis² barang² yang sudah pun di-chukaikan. Akan tetapi kain puteh yang masuk Pulau Pinang maseh tidak di-chukaikan seperti chukai yang di-kenakan kepada kain² puteh yang masuk ka-dalam tanah besar ini, yang paling tinggi barangkali kain² puteh ini di-kenakan chukai sa-kadar *ad valorem* sahaja.

Jadi oleh yang demikian, maka kilang² kain batek di-Pulau Pinang ini dapat mengadakan atau memperoses bagi menjadikan kain batek ini dengan belanja yang lebeh murah daripada kilang² kain batek di-negeri Kelantan dan Trengganu dan kain² yang sudah di-proses di-Pulau Pinang ini pada masa ini dapat maseh masuk ka-dalam tanah besar Malaysia kita ini dengan tidak di-kenakan chukai. Ini pun telah merupakan suatu pertentangan yang hebat, pertandingan yang hebat dengan perusahaan² batek di-negeri Kelantan dan Trengganu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau-lah di-wujudkan lagi beberapa kawasan zon perdagangan bebas, mungkin di-Melaka, mungkin juga di-Negeri Sembilan atau mana² negeri yang lain, dan di-wujudkan pula kilang batek sa-bagai satu contoh atau pun mithal-nya, maka ini sudah nyata dan terang-lah, Tuan Yang di-Pertua, akan menjadi suatu chabaran yang hebat kapada pengusaha² batek di-negeri Kelantan dan Trengganu dan lambat laun pengusaha² itu akan menemui ajal-nya dengan sendiri sahaja. Ini-lah satu perkara yang harus di-perhatikan oleh Kerajaan didalam masa hendak memberikan permit atau kebenaran mana² perusaha bagi mendirikan kilang² perusahaan memperoses, atau sa-bagai-nya di-dalam kawasan zon perdagangan bebas pada masa yang akan datang. Soal batek ini sa-bagai satu contoh sahaja. Demikian juga kapada hal perusahaan² yang lain, terutama-nya yang menyentoh perusahaan bumiputra yang berjalan sekarang ini.

Saya perchaya pehak Yang Berhormat Menteri Kewangan akan dapat memberi perhatian yang berat dalam perkara ini. Jika tidak, maka niat baik Kerajaan mengadakan zon perdagangan bebas untuk memperluaskan lagi usaha pengeluaran negara ini bagi mengimpot keluar negeri itu akan di-chapkan oleh sa-bahagian besar bumiputra di-negeri ini sa-bagai satu usaha sa-chara tidak langsung hendak menekan dan membunuh usaha² perdagangan kaum bumiputra yang sedia ada.

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk berchakap sapatah dua dalam Rang Undang² Zon Perdagangan Bebas tahun 1971, dan bagitu juga, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin minta berchakap dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris.

Mr Speaker, Sir, when Penang entered the Federation, Penang had a large measure of free port status and over the years we in this House have seen how the free port status has been eroded—"makin lama, makin kurang" its free port status. Mr Speaker, Sir, we in this House, those of us who were in this House during the Second Parliament, used to see how the former Member for Penang Utara, whenever the Minister of Finance tabled Customs Orders eroding the free port status of Penang, and also the Member for Tanjong used to stand up in defence of

Penang. Today we have the Member for Seberang Selatan trying to do the same job in the absence of the former Member for Penang Utara and the Member for Tanjong.

Mr Speaker, Sir, I do agree with the Minister of Finance that in the national interest, you should have a Common Customs Area for the whole country. That I agree with him, nor will I think my friend for Seberang Selatan disagree, although he may not, politically, feel it wise to say. I think we all agree that we should have a Common Customs Area for the whole country. But, Mr Speaker, Sir, whilst the Minister of Finance takes away with one hand, he should at the same time give a little bit to Penang, if for nothing else, in the national interest, because he knows that the surtax that he has imposed on the whole country has virtually killed the entrepot trade of Penang. Penang cannot, or for that matter Malacca, Port Dickson, or even if we have a port in Johore or in the East Coast, possibly compete with our nearest neighbour, namely Singapore. Singapore's facilities in terms of shipping are so vastly superior to us. If, on top of that handicap, you place on it another bigger handicap by way of formerly a 2% surtax and now another 2% surtax making it a total of 4% surtax, I think the Minister of Finance must admit that if he still sticks to this 4% surtax without giving other avenues for any State to create entrepot trade, then you are virtually killing the goose that lays the golden eggs, not that there are many golden eggs to be laid in Penang.

Now, Mr Speaker, Sir, one way the Minister of Finance can help Penang, or for that matter any other port in this country, would be to create as quickly as possible these free trade zones. Mr Speaker Sir, this is vitally important in the case of Penang. It may not be so with, let us say, Port Dickson, Malacca or Kuantan or Kota Bharu, but in the case of Penang, before independence Penang had a good share of the entrepot trade, namely with Sumatra. Now, the merchants of Sumatra, say, "Why do we want to go to Penang? There with this 4% surtax and other things, we would not make any profit. Let us go to Singapore." Therefore, it is in the interest of the country that the Minister of Finance should very quickly establish, after the passage of this Bill, free trade zones, and I am glad that the Minister of Finance has started with Penang.

Now, Mr Speaker, Sir, I just want to draw the attention of the Minister of Finance to Clause 4 of the Bill, where my worthy friend the Member for Seberang Selatan has already touched on. He has expressed regret that in the Bill itself, Clause 4 (1), the Minister of Finance has not thought it fit to give the State Government a chance to nominate one person to sit on this Free Trade Zone Advisory Committee. Mr Speaker, Sir, I hope the Minister of Finance when he comes to appoint this Free Trade Zone Advisory Committee will, I hope, nominate at least one person from Penang with, as he has put down here, "wide experience in commerce and trade" to sit on the Free Trade Zone Advisory Committee, in order that the interest of Penang in particular and of the trading community may be catered for. Thank you.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, zon perdagangan bebas ini ada-lah chukup baik oleh kerana di-Pulau Pinang baik, di-Port Swettenham baik dan Melaka baik oleh kerana jiran kita yang dekat sa-kali ada-lah Indonesia. Indonesia mempunyai lebih kurang 120 juta penduduk dan bahan² mentah chukup banyak di-sana. Dengan sebab itu jikalau kita mengadakan zon perdagangan bebas, maka bahan² mentah apabila sampai ka-zon perdangan bebas ini di-situ di-kilang, kemudian di-ekspotkan ka-lain² negeri. Jadi dengan sebab itu oleh kerana negeri kita sa-buah negeri yang kecil macham negeri Jepun juga, tetapi oleh kerana banyak kilang², maka dapat-lah penduduk²-nya bekerja di-kilang² tersebut. Dengan sebab itu jikalau sa-kira-nya zon perdagangan bebas ini di-buat di-Port Swettenham, atau pun di-Pulau Pinang, maka hendak-lah Kerajaan memikirkan segala indastri² yang di-tempatkan itu mesti-lah eksport orientated industries yang di-buat itu, sebab daripada situ boleh kita keluarkan ke-luar negeri dengan tidak payah kena chukai.

Di-sini sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat dari Batu tadi mengatakan surtax. Surtax ini saya fikir oleh kerana Singapura ada-lah satu pelabohan yang moden yang lengkap dengan serba-serbi, segala bahan² daripada Indonesia atau pun daripada Singapura ka-Indonesia untuk di-ekspot, maka kita tidak dapat melawan-nya jika ada surtax yang tinggi. Jadi barang² kita apabila kita hendak hantar ka-Indonesia, maka berlawan dengan barang² dari Singapura. Saya harap juga Menteri Kewangan memikirkan di-atas per-

kara ini boleh kerana pedagan² kita susah hendak melawan pedagang² daripada Singapura. Jadi, saya harap-lah kepada Menteri Kewangan, kalau boleh, dapat menurunkan atau pun tidak ada surtax di-dalam zon perdagangan bebas ini.

Terlebeh ma'alom, ia-itu Kuala Lumpur/ Petaling Jaya tidak lama lagi Shah Alam semua-nya itu akan menjadi industrial area dan berapa banyak factory² kita ada di-antara Port Swettenham dengan Kuala Lumpur. Jadi kalau ada zon perdagangan bebas ini, maka segala bahan² yang telah kita bena atau kita buat boleh di-letakkan dalam zon perdagangan bebas ini daripada situ, kastam boleh memerhatikan supaya barang² yang kita perdagangan itu boleh di-keluarkan ka-lain negeri dengan tidak dikenakan chukai yang melampau². Dengan hal yang demikian, maka banyak lagi-lah orang² luar negeri akan menanam modal dalam negeri kita ini. Saya perchaya dalam tempoh tidak lama lagi, maka negeri kita ini boleh ma'amor dan lebeh maju lagi pada masa² yang lalu.

Dan satu perkara yang kita fikirkan, ia-itu Indonesia, oleh kerana Indonesia mempunyai penduduk 120 juta orang dan banyak bahan²-nya dan juga di-sana berkehendakkan bahan² yang kita keluarkan daripada sini, maka dengan sebab itu hendak-lah kita mengadakan zon² perdagangan bebas di-pantai² negeri kita ini, bukan sahaja di-Pulau Pinang, tetapi hendak-lah di-adakan di-Port Swettenham dan juga di-perlabohan kapal terbang kita. Sekian.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Dato' Yang di-Pertua, saya bangun untuk menjawab sa-patah dua kepada tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Seberang Selatan yang mengatakan dalam ucapan-nya di-Dewan tadi, ia-itu dengan Kerajaan men-chadangkan meluluskan Rang Undang² ini, ia-lah satu kenyataan yang Kerajaan Persekutuan ini hatred, atau benchi kepada Kerajaan Pulau Pinang. Tuduhan yang sa-macham itu tidak patut di-biarkan apakala telah di-ucapkan di-Dewan yang mulia ini.

Sa-patut-nya Rang Undang² yang saperti ini memang di-sanjong tinggi dan di-puji oleh semua Ahli Yang Berhormat di-sini, kerana terang dan nyata ada-lah menambahkan perniagaan negeri ini pembangunan perniagaan negeri ini dan memberi lebih banyak kerja kepada pemuda pemudi yang kian hari

kian banyak bertambah bilangan-nya. Tetapi tuduhan itu tadi mengatakan Kerajaan Persekutuan ada-lah benchikan Pulau Pinang oleh sebab itu di-bawakan Undang² ini, pada hal ada-lah terang dan nyata Rang Undang² ini ia-lah untok mengadakan peruntukan bagi menubuhkan zon² perdagangan bebas Persekutuan bagi memajukan kehidupan ekonomi negara ini. Dan juga kata-nya dengan sebab bertambah-nya Duty Custom diperluaskan di-Pulau Pinang satu zon perdagangan bebas ada-lah perlu di-ujudkan di-Pulau Pinang untok memberi kemudahan² bagi perdagangan entrepot trade terang dan nyata tujuan-nya baik dan mulia, tetapi sebagai Parti Pembangkang jika yang baik sekali pun di-bawa oleh Kerajaan, di-putar-belitkan untok faedah parti-nya, untok mengelirukan Ahli² Dewan ini dan yang lain² yang mendengar dalam Dewan ini. Tidak boleh di-biarkan perkara yang samacham itu

Tuan V. Veerappan: Tuan Yang di-Pertua, I

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Nasib baik rakan-nya Yang Berhormat dari Batu tadi berasa kekok nampak-nya memandang ka-belakang dan berkata dalam bahasa Inggeris "I am glad that it had started in Penang" menyatakan ia sangat riang dan besar hati yang Kerajaan Persekutuan telah pun mengadakan satu zon perdagangan bebas di-Pulau Pinang. Tudohan yang samacham itu sa-bagaimana kata saya lagi, ia-lah datang-nya satu daripada Parti Pembangkang, terang dan nyata perkara yang baik dan memberi faedah kapada negara menyatakan dalam Dewan ini, mengatakan kebanchian di-Pulau Pinang sangat menyingkir hati saya mendengar-nya tadi. Pada hal kalau Kerajaan betul benchikan Pulau Pinang banyak perkara lain boleh di-buat. Semuanya di-samakan mithal-nya kastam di-Pulau Pinang dan di-sini juga. Tidak ada fasal Pulau Pinang itu berlainan daripada orang lain dari Tanah Melayu. Tidak ada fasal orang Pulau Pinang sana ada dapat beli barang lebeh murah daripada kawasan lain di-Tanah Melayu pada hal masing² berpendapatan gaji yang berlainan², membayar chukai berlainan, semua-nya sama, kalau hendak di-fikirkan. Itu-lah satu perkara yang saya kata bagi ingatan Dewan ini, kita hendak-lah berjaga² hendak berchakap pada

hal benda yang baik telah di-putar-belitkan sa-bagaimana yang kita dengar tadi tidak boleh di-biarkan di-Dewan ini.

Tun Tan Siew Sin: The Honourable Member for Seberang Utara alleged that the Federal Government was going out of its way or was deliberately trying to do Penang down, if I may use a colloquial expression. As my Honourable friend, the Attorney-General, has pointed out, that is absolutely not true.

Tuan Haji Ahmad bin Said: Seberang Selatan.

Tun Tan Siew Sin: Sorry, Sir, Seberang Selatan. That is absolutely not true. We can prove this if I were to say that we have in fact agreed with the Chief Minister of Penang to establish free trade zones in Penang and probably the Honourable Member concerned is not aware of it. Agreement was reached very recently; the Treasury gave every possible assistance and Penang will have the first free trade zone in this country. We have, therefore, gone out of our way to help Penang because we recognise the special position of Penang. There is no free trade zone in Malacca. What has been established there is a bonded warehouse where dutiable goods are deposited for the payment of duty, and there is a big difference between a bonded warehouse and a free trade zone because no manufacture is allowed in a bonded warehouse. So, it is not true, Mr Speaker, Sir, that I favoured Malacca at the expense of Penang merely because I come from that State. There has been a lot of talk about the erosion of the free port status of Penang in the past. That is true, but, as the Honourable Member for Batu has rightly pointed out, it is not only in the national interest, it is in the interest of Penang itself that its free port status should be gradually eroded because unless this is done it will not be possible to establish industries on Penang Island. I think the people of Penang must take a long view. If they take a short view, I agree they must have the free port status forever, but this free port status was given to Penang under rather different circumstances when the entrepot trade was probably the sole means of Penang's livelihood. The position today is entirely different. The time must come when the entrepot trade is of negligible importance and when that comes and if Penang is still without industries, then that Island could

well become a glorified fishing village, if nothing else. I know it has been said that because of the loss of certain facilities, the entrepot trade, which should have gone to Penang, has gone to Singapore. Well, I think there are reasons why a part of the entrepot trade has gone to Singapore, and some of the reasons are unavoidable and other reasons which, I think, I rather not mention in this House. But I think Singapore's position is rather exceptional. But in spite of that, I have time and again told the people of Penang that we are always prepared to consider any suggestions that they would care to put up, and I have no doubt that the establishment of these free trade zones in Penang will help things tremendously, because it would be possible then for goods to come in and out without payment of duty and a free trade zone will effect be small free port area. I think one Honourable Member asked me—I think it was the Honourable Member for Kuala Selangor—whether goods going into free trade zone or coming out of it will be exempted from tax. The answer is “yes” as provided for in Clause 5 of the Bill.

The Honourable Member for Seberang Selatan also suggested that we should set up duty-free shops for tourists all over the country. We entirely agree, and I believe that the Minister of Commerce and Industry is doing what he can to achieve this objective.

The Honourable Member for Seberang Selatan also stated that there was no provision for the State to be represented in the statutory body which will be established by the Minister when a free trade zone is set up and that there is also no mention of any State representation in Clause 4 of the Bill, i.e. there is no provision for any State to be represented in the Free Trade Zone Advisory Committee to be set up under Clause 4 of the Bill. I agree that there is no specific mention of any State representation, but that does not prevent the Central Government from providing for such representation, and that is a point which I shall certainly bear in mind when setting up these two bodies.

The Honourable Member for Kota Bharu Hilir pointed out the difficult position facing *batek* manufacturers in Kelantan. I entirely agree; and in point of fact a delegation from that State came to see me recently in Kuala Lumpur, and I promised them that

I will do everything I can to even the odds, so to speak, facing the manufacturers in Kelantan compared to those in Penang Island. I agree that in this case the boot is on the other foot. *Batek* manufacturers in Penang Island enjoy duty-free raw materials while those in Kelantan do not; and this is one occasion when I think the people of Penang are better off than those on the Mainland. But I did inform this delegation of *batek* manufacturers that we will certainly do something about this.

The Honourable Member for Batu suggested that although it was proper that we should gradually erode the free port status of Penang, we should give back something. Well, this is the answer to his plea, and I would also like to point out, Sir, that we have not increased or added to the list of dutiable goods payable by the people of Penang Island just for the fun of doing so or for the purpose of causing hardship to the residents of Penang Island. Basically, there are two reasons governing our action. In the first place, as Honourable Members who come from that area are probably aware, owing to the nearness of the Island to the Mainland—it is only about a couple of miles or so—it is only too easy to smuggle goods which are non-dutiable on the Island but dutiable on the Mainland from one to the other. I do not think any Honourable Member coming from that area will deny it. One has only got to go to some shops in Penang Island to see them loaded with goods, goods which obviously are not meant for the people of Penang Island. The second reason why we have to do this is to protect our infant domestic industries on the Mainland. It must be crystal-clear to the Honourable Members that the Malaysian market is by no means large, and it is of some help to have the population of Penang Island added to that market; and hence it has been necessary for us from time to time to add to the list of dutiable goods for the people of Penang Island (a) in order to help our infant domestic industries and (b) in order to reduce the incidence of smuggling.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sabagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatankuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesnuarat Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 44 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual Pertama dan Kedua di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² (PINDAAN) INSURAN

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I beg to move that "a Bill intituled an Act to amend the Insurance Act, 1963" be read a second time.

Pursuant to emergency powers the Yang di-Pertuan Agong promulgated Emergency Ordinance No. 31, 1970 to amend the Insurance Act, 1963. The purpose of that amendment was to require insurance companies to invest a portion of their assets in authorised Malaysian securities, and particularly in Government securities, in accordance with the percentages specified in the amendment. Before the Emergency Ordinance was promulgated section 11 (2) of the Act required 55% of the assets of insurance companies to be held in authorised Malaysian assets. Government securities constituted one of the authorised assets, the full list of which is set out in the Second Schedule to the Act.

Before the amendment was made—and I am referring to 31st December, 1968—the position was that life companies had invested 79% of their funds in authorised assets, but only 9.3% of the funds were held in Government securities. In the case of general insurance companies, 84% of their funds were held in authorised assets but only 10.2% of their funds were held in Government securities. In absolute amounts, life companies held \$24 million and general companies \$9 million in Government securities as at 31st December, 1968. The investment portfolios of individual companies varied greatly, and the percentage figures given above only indicate the average for all life and general

insurance companies at that time. It was clear, therefore, that insurance companies, while holding a significant proportion of their funds in domestic assets, could in fact give more support to Government by way of holding more Government securities.

It is common in other countries to require insurance companies to invest part of their funds in Government securities. Insurance companies are important financial intermediaries and their funds are largely genuine savings of the members of the public. The utilisation of such funds for financing public projects would, therefore, be non-inflationary. The public sector investment programme is a big one, and sources of non-inflationary finance are vital. Having regard to this, it was considered highly desirable to amend the Insurance Act, 1963 to require a minimum percentage of investment in Government securities. At the same time, increased investment requirements were stipulated in respect of all authorised assets. This would promote the development of all sectors of the economy and would also ensure that Malaysian dollar insurance liabilities are matched by Malaysian dollar assets. The amendments made then were for both life and general insurance companies and are as follows:

- (a) By 31st December, 1970, 65% of their funds must be in authorised assets, with at least 10% in Government securities.
- (b) By 31st December, 1971, 70% of their funds must be in authorised assets, with at least 15% in Government securities.
- (c) By 31st December, 1972, 75% of their funds must be in authorised assets, with at least 20% in Government securities.

This Bill seeks to re-embody these amendments into the permanent law of this country.

Sir, I beg to move.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Usl di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatankuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² (PINDAAN) RUMAH JUDI AM

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I beg to move that a Bill intituled "An Act to amend the Common Gaming Houses Ordinance, 1953", be read a second time.

The purpose of the Bill is to empower the Minister of Finance to issue to a company registered under the Companies Act, 1965, other than a foreign company as defined in that Act, a licence to operate a gaming establishment in respect of games on premises, subject to the payment of faces and duties and the terms and conditions which will be specified in the licence.

Honourable members are no doubt aware that the Government is paying particular attention to the development of the tourist industry in this country and the private sector, too, is undertaking major ventures in this expanding industry. The Government is, of course, willing to give encouragement and provide reasonable facilities for the establishment and promotion of such ventures.

There are private companies which have shown considerable interest in this regard and have in fact made concrete proposals to the Government to establish tourist complexes in areas such as Genting Highlands, Pulau Langkawi and Fraser's Hill. Ventures of this nature necessarily involve considerable capital expenditure. In the case of Genting Highlands, the company which is carrying out the development has over a period of six years constructed a road of about fifteen miles in length linking the main road to the apex of the hill, Gunong Ulu Kali, where a 200-room hotel of international standard has been set up. The Fraser's Hill Development Corporation has drawn up a comprehensive plan for the development of this hill resort as a major tourist attraction. Projects of this nature are in keeping with modern trends for

the development of the tourist potential available in a country. I need hardly emphasise that in our country there are many islands and hills which are away from thickly populated urban areas and which have considerable scenic beauty, and these, of course, should be exploited and developed for the benefit of the country.

A generally accepted feature of a tourist complex appears to be a casino for gambling. The Government considers that so long as such casinos are established and maintained purely as a subsidiary attraction, it would be appropriate to assist the private sector by granting a licence for such an establishment. However, it must be emphasised that it is not the intention of the Government to flood the country with casinos. Indeed, it is the firm policy of the Government to confine such casinos only to areas which are relatively inaccessible so that the poorer sections of our community cannot patronise such establishments even if they want to. Further, in order to ensure that only foreign tourists and the affluent members of our society patronise them, it is the intention to specify in the licence issued to such a casino that it must levy a deposit of \$100 on any person who wishes to take part in the gambling provided by it. The Government is only too well aware that it would be catastrophic from many points of view for this country to be regarded, both from within and from without, even though unjustifiably, as a huge gambling resort. Rather, it is our policy to restrict the issue of such casino licences to the barest minimum and only in circumstances where a tourist complex would clearly be unprofitable without such a facility, apart from the condition that it has to be sited in an area which is inaccessible to our lower income groups.

The present Bill is intended to enable the Minister of Finance to issue to a company registered under the Companies Act a licence to operate a casino. The licence will be valid for a period of three months only and will be renewable for further periods not exceeding three months each. The Minister, of course, retains the power to revoke the licence or amend any of its terms and conditions at any time. The short period of validity of the licence will enable the Government to keep a close watch on the activities of the establishment and to refuse renewal if such activities are found to be undesirable or if the establishment is not run according to the desired standards.

Sir, I beg to move.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim (Pasir Puteh): Dato' Yang di-Pertua, saya suka hendak mengambil bahagian dalam perbahathan ini dengan sedikit pandangan berhubung dengan soal yang kita sedang hadapi sekarang ini ia-itu hendak meminda undang² berkenaan dengan rumah judi. Dato' Yang di-Pertua, judi ia-lah satu perkara yang burok dan merbahaya. Semua orang² yang berfikir waras dan saya fikir kita sakalian dalam Dewan ini, ada-lah menentang dan tidak bersetuju pada wujud-nya judi ini di-dalam negara kita. Dato' Yang di-Pertua, judi ini juga menjadi satu daripada punca perkelahian dan kechurian dan lain² perkara yang burok bagi ra'ayat kita. Nyata-lah, Dato' Yang di-Pertua, bahawa ia merupakan satu perkara yang harus kita sembunyikan bukan sa-balek-nya kita patut galakkan. Tetapi saya dukachita melihat bahawa perjudian di-dalam negeri kita ini sedang berlaku dengan agak luas.

Dato' Yang di-Pertua, saya mengerti ada undang² dan undang² itu di-wujudkan sa-tengah²-nya dengan tujuan hendak menyekat atau hendak mengurangkan judian ini, tetapi oleh sebab larangan itu tidak menyuloh, maka judi² maseh ada berjalan di-dalam negara kita ini. Akibat-nya, Dato' Yang di-Pertua, walau pun dengan ada undang² itu judi tidak sa-makin kurang, tetapi sa-balek-nya makin bertambah. Dato' Yang di-Pertua, sa-hingga kadang² kita dapat melihat walau pun perkara yang saya akan sebutkan ini kechil kadang² kita akan dapat melihat di-kedai² ada permainan kanak² yang merupakan suatu permainan tikam². Barangkali kata orang dia ini di-lakukan oleh kanak² kechil yang maseh mentah, yang ubun²-nya maseh lembut, maka ini saya rasa-lah dengan sechara langsung kita telah membiarkan suatu hal yang merupakan suatu latehan kepada kanak² kechil itu bermain judi.

Demikian juga, Dato' Yang di-Pertua, tikam ekor yang timbul daripada permainan lumba kuda, daripada loteri kebajikan masharakat ini ada-lah terjadi² di-kebanyakan tempat. Jadi dengan sebab itu, Dato' Yang di-Pertua, saya minta dan merayu-lah kepada Kerajaan supaya perkara ini, perkara judi

ini dapat di-timbangkan dengan sa-halus²-nya dan berikhtiar supaya perkara ini dapat di-hapuskan. Tidak-lah sa-bagaimana yang kita sedang dengar sekarang ini, bukan-lah kita berusaha untuk menghapuskan, tetapi kerja² kita mengikut apa yang di-maksudkan di-dalam Rang Undang² ini sedang kita hendak membiak dan membesarkan.

Walau bagaimana pun, Dato' Yang di-Pertua, kita telah dengan penerangan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengatakan bahawa tujuan daripada undang² ini ia-lah untuk mengadakan casino bagi pelanchong² di-tempat² yang tertentu. Saya rasa ini tidak-lah dapat di-katakan usaha untuk mengurangkan perjudian di-dalam negara kita. Walau bagaimana pun, Dato' Yang di-Pertua, oleh sebab saya sedar bahawa undang² ini kelak akan dapat di-luluskan, maka saya berharap dan saya bermohon-lah sekira-nya ikhtiar² diadakan supaya tempat² perjudian itu tidak akan melibatkan anak² negeri ini. Sekian.

Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (Kelantan Hilir): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di-atas peluang yang di-berikan kepada saya atas perbahathan ini

Tuan Yang di-Pertua: Tolong chakap kuat sedikit, tidak dengar!

Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di-atas peluang yang di-berikan kepada saya atas perbahathan ini. Satu perkara yang diterima sa-belah menyebelah ia-lah negara kita ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak kominis negara kita ia-lah negara yang mengaku² agama, bukan negara kominis. Beza di-antara negara yang mengaku² agama dengan negara kominis ia-lah bahawa negara yang mengaku² agama ia-lah selalu mengingati atau selalu menjaga masaalah rohani, sedangkan negara kominis langsung tidak menjaga dan tidak menjamin kedudukan rohani, oleh kerana negara kita mengaku² agama baik pun Islam atau pun apa sahaja agama semua sa-kali agama mengaku² ada-nya rohani. Dengan yang demikian maka orang² yang beragama selalu menjaga perasaan rohani dan menyelaraskan rohani supaya hidup sa-imbang dengan jasmani.

Oleh yang demikian, oleh kerana negara kita mengaku agama yang tidak kominis terlalu amat lahab nampak-nya negara kita

kapada wang dengan tidak memikirkan dari mana sumber, dan dari mana punca-nya wang itu datang. Apa sahaja jenis wang dan dari mana sahaja wang datang kita berusaha untuk mengambil-nya walau pun kewangan itu boleh merosakkan dan boleh menjahanamkan kedudukan rohani yang sangat² di-jaga² dan sangat² di-kawali oleh ugama baik apa sahaja ugama.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu sa-patut-nya sa-waktu kita membena negara jangan-lah sa-mata² kita mementing masaalah pembangunan jalan raya sahaja atau rumah tangga sahaja bahkan di-samping itu kita mesti juga menjaga dan membena manusia dan membena moral manusia. Saya tidak bersetuju dengan pendapat sa-tengah² orang khusus-nya pehak yang berkenaan—Kementerian yang berkenaan, menyebut bahawa tujuan kita mengadakan rumah casino ini ia-lah untuk menarek pelanchong, kita mesti siap apa sahaja kemahuan pelanchong sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Menteri Perdagangan dan Perusahaan beberapa hari yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya tidak semua perkara di-mahukan oleh pelanchong² itu kita siapkan semua, ada banyak larangan dan ada banyak pantang² yang telah kita kenakan ka-atas pelanchong²—tidak semua perkara yang pelanchong mahu kita siapkan. Kita larang pelanchong² ini supaya menghampiri kawasan larangan mithal-nya, kita larang pelanchong membawa ganja mithal-nya, kita larang pelanchong menyeludup wang² atau sa-bagai-nya pendek-nya tidak semua perkara dia mahu oleh pelanchong itu kita beri. Jadi apa-lah salah-nya, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita masukkan senarai—masukkan ka-dalam senarai barang² larangan itu ia-lah benda² bagini, benda² yang merosakkan moral kita dan merosakkan rohani kita sa-bagai negara yang mengaku² ada-nya ugama.

Tuan Yang di-Pertua, perkara masaalah judi ini walau bagaimana kita batas, walau bagaimana kita kenakan syarat di-atas lesen² beer, tetapi hakikat yang sa-benar-nya perkara ini tetap berjangkit kapada ra'ayat² di-kampung. Boleh jadi, Tuan Yang di-Pertua, tahu bahawa masaalah judi ini oleh kerana Kerajaan sendiri membenarkan walau bagaimana syarat banyak sa-kali pun, tetapi hal judi sa-chara haram telah begitu kuat dan begitu menjalar di-kampung² hingga segala usaha yang di-buat oleh Kerajaan, baik

Kerajaan Pusat atau pun Kerajaan Negeri untuk membasmikan perkara ini hampir² tidak berjaya lagi. Daripada anak² yang maseh kechil sampai ka-orang dewasa dalam hutan mana, di-tempat mana yang jauh dengan mata polis, selalu kedapatan perkara judi ini, khusus-nya di-sabelah Pantai Timor khusus-nya di-Kelantan sendiri; saya sebutkan dengan segala dukachita-nya perkara judi telah begitu membiak. Pada hal perkara judi ini memang-lah Kerajaan memberi lesen-nya ada syarat-nya, tetapi apa perkara ini perkara berjangkit, yang menyebabkan segala khutbah Juma'at yang di-buat oleh Imam, segala pak guru, segala nasehat daripada tok guru, daripada tok lebai untuk menghapuskan perkara ini tidak berjaya dan polis sendiri pun nampak tidak terdaya hendak menghapuskan perkara ini. Puncta-nya ia-lah kerana judi walau bagaimana pun telah di-buat dan telah di-anjur oleh Kerajaan sendiri walau pun di-sekat dengan bermacam² perkara. Jadi ini ada-lah satu perkara yang sangat² mendukachitakan kita kita sa-bagai ra'ayat yang hidup dalam sa-buah negeri yang mengaku² ada-nya ugama.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya berharap walau pun Rang Undang² ini akan dapat di-luluskan, tetapi oleh kerana asas yang saya sebutkan tadi bahawa kita di-negeri berugama dan ugama walau apa sahaja ugama mengaku² wujud-nya rohani dan menjaga rohani supaya hidup sa-imbang dengan jasmani jangan sa-mata² hidup jasmani sahaja bahkan sa-imbang dengan rohani, saya harap perkara ini—perkara judi dan perkara bagini hendak-lah di-fikirkan dua kali sa-belum kita luluskan. Sekian terima kaseh.

Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh (Kota Star Utara): Tuan Yang di-Pertua, berchakap tentang Rang Undang² yang bernama satu Akta (Pindaan) Rumah Judi Am 1953 yang di-hadapan kita sekarang ini, saya ingin mengemukakan pendapat berthabit dengan maksud Rang Undang² ini ia-lah untuk meminda dan menambah section baharu 27 (a) yang berlainan daripada peruntukan larangan dalam Ordinan tersebut memberi kuasa kapada Menteri Kawangan mengeluarkan lesen kapada satu² sharikat mendaftarkan di-bawah Akta Sharikat 1965 untuk menjalankan satu pertubohan judi yang berchorak baharu dan sa-terus-nya ini amat-lah tidak menyenangkan hati saya dan orang²

Islam. Kerana, Tuan Yang di-Pertua, dengan wujud-nya berbagai² jenis judi di-dalam tanah ayer kita, apa-lah yang akan terjadi-nya negeri ini penoh dengan perkara² ini, lebeh² lagi jika di-pandangkan negeri ini ugama Islam sa-bagai ugama rasmi negara, tentu tidak patut, apa yang patut dan yang di-harapkan dan yang di-chitakan² oleh sa-bilangan besar ra'ayat yang berugama Islam daripada Kerajaan yang mereka pilih itu supaya benda yang sa-rupa ini patut-lah bagi Kerajaan menghapuskan sama sa-kali bukan meminda dan menambah lagi. Kerana memandang akibat yang akan kembali kapada masharakat jelas sa-kali dapat kita lihat di-dalam masharakat kita baik pun di-negeri kita mahu pun di-negeri yang lain bagaimana padah-nya atau burok-nya akibat judi itu sa-hingga kadang² sampai membawa kapada meragut akan sa-tengah nyawa manusia dan yang mana keadaan² ini menyebabkan juga hidup masharakat tidak aman dan tidak terjamin keselamatan-nya dan ini juga akan berlawanan dengan dasar Kerajaan hendak memupokkan perpaduan dan keamanan dalam negeri kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, alasan saya yang kedua dengan wujud-nya penambahan judi chorak baharu ini yang bakal di-luluskan dan yang telah sedia ada akan mewarisi pula chara pemikiran yang tidak sihat jika ditinjau dari sudut² yang tertentu. Umpamanya saya mithalkan di-sini di-sudut ugama, mungkin akan terjadi pemikiran sa-tengah² orang yang maseh muda di-dalam Islam bahawa habuan mereka bukan bergantung kapada usaha² dan pemberian Tuhan, malah bergantung kapada nasib judi yang mereka mainkan yang tidak tentu dapat atau tidak habuan mereka. Saya mithalkan yang kedua dari sudut ekonomi, mereka² yang terlalu minat dalam lapangan perjudian tidak akan dapat menumpukan tenaga-nya dengan sa-penoh hati kapada perusahaan, pertanian dan lain²-nya yang menjadi teras penting kapada pengeluaran negara. Jadi, dengan keadaan yang demikian amat merbahaya-lah kapada kemajuan ekonomi negara kita. Oleh itu, saya harap akan dapat pertimbangan yang jujur-lah dari Dewan yang mulia ini, sekian.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara meluluskan Ordinan Rumah Judi Am in pehak kami daripada Persatuan Islam sa-Tanah Melayu mahu tidak mahu bangun memberi pan-

dangan dan memberi ucapan untuk perhatian pehak Kerajaan kerana bukan sahaja kami menyuarakan daripada pehak kami gulongan PAS tetapi kami ada-lah menyuarakan sa-paroh, atau pun lebeh daripada sa-paroh ra'ayat dalam negara ini yang berugama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, sa-chara rengkas saya menyatakan bahawa sa-benar-nya negeri kita ini sudah terlampau banyak judi, jadi sa-bagaimana kita tahu dahulu negara kita ini mengadakan judi hanya loteri sahaja—Loteri Kebajikan Masharakat, kemudian salepas itu mengadakan judi tikam ekor, lepas itu mengadakan Toto dan ini hendak mengadakan casino pula dan akan datang apa lagi tidak tahu hendak ada judi. Sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, judi ini banyak benda boleh jadi judi, main terop pun boleh jadi judi, main daun pun jadi judi, jadi kalau semua kita hendak luluskan judi mengikut kehendak orang yang main judi, ai saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, tentu-lah susah kapada kita, nanti akan datang kerana untuk mengelakkan masharakat ini untuk mengcontrolkan keadaan masharakat yang mahu menghisap ganja maka kita akan mengadakan pula Undang² supaya boleh menghisap ganja di-tempat ini, di-tempat itu, demikian-lah keadaan-nya, Tuan Yang di-Pertua. Jadi kami mengatakan bahawa sa-patut-nya kita menutup terus cherita judi, biar-lah dia buat sa-chara haram, kemudian tangkap orang yang berjudi itu dan di-da'awa dia di-Mahkamah untuk menyelamatkan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini manusia di-negara kita ini sudah berpegang dua tiga pegangan. Dahulu ra'ayat di-negara kita ini pertama bergantung nasib-nya hanya kapada Tuhan, kapada Allah sa-mata² kerana Allah, Tuhan-lah yang akan memberi rezki dan menambah rezki kapada-nya.

Yang kedua bergantung dengan bersandarkan kapada usaha-nya sendiri arti-nya ia kerja kuat dan usaha kuat dengan chara² yang sempurna Insha' Allah dia akan mendapat rezki yang banyak. Dahulu

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tolong minta jalan, untuk penjelasan sedikit sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Beri jalan?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tidak payah-lah.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, boleh teruskan!

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, jadi sekarang ra'ayat di-negara kita ini bergantung kepada 3 perkara pula, pertama sa-bahagian-nya bergantung hanya kepada Tuhan yang memberi dan menambah rezki mengurangkan atau pun membanyakkan-nya.

Yang kedua bergantung di-atas daya dan usaha-nya untuk menambah dan mendapatkan rezki, kemudian yang ketiga bergantung kepada loteri—kapada judi. Kalau tiap² akhir minggu ada² sahaja orang² berkumpul, kalau ada orang yang hendak meminta hutang, “nanti dahulu tokeh, nanti tunggu buka ekor.” Jadi ini sa-olah² macham satu pergantungan yang di-ambil oleh ra'ayat negeri ini kapada nasib hendak tikam ekor, akan datang, “nanti dahulu saya pergi masuk ka-kelab casino,” main casino pula. Jadi ini alang-kah kechiwa-nya, Tuan Yang di-Pertua.

Dan, Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini saya dengar hospital untuk mengubat penyakit otak ini sudah di-tambah pula ward-nya. Kerana ada sekarang ini orang yang sudah menjadi gila kerana dudok ikut sangat kapada cherita judi ini, khas-nya sekarang tikam ekor pergi ka-pokok kayu itu chari nombor ekor, pergi dekat batu itu chari nombor ekor, pergi dekat kubor itu chari nombor ekor. Ini sudah merosakkan jiwa, bukan sahaja dari sudut ugama tetapi dari sudut keadaan masharakat pun sudah jiwa-nya sudah rosak bergantung kapada ekor, ekor, ekor sa-macham, Tuan Yang di-Pertua. Jadi akan datang casino, casino pula.

Jadi ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pehak Persatuan Islam Sa-Tanah Melayu sunggo² berasa kesal dengan hal ini. Jadi saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, walau pun kami dari pehak PAS menentang ranchangan mengadakan judi ini, sama ada judi casino sama ada judi apa sa-kali pun walau pun kami menentang tetapi Kerajaan akan membuat juga kerana macham² alasan Kerajaan tentu-lah menang. Saya tidak hairan fasal bab menang, jadi memang-lah menang Kerajaan. Kapada saya, Tuan Yang di-Pertua, saya meminta kalau Kerajaan buat pun, walau pun kami menentang, kami menentang buat ini, tetapi kalau dia buat pun biarlah ra'ayat negeri ini jangan di-benarkan masuk ka-tempat casino itu.

Tuan Ramli bin Omar: Orang PAS pun masuk banyak.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tidak.

Jangan di-benarkan masuk di-tempat itu, biar-lah ada kawalan-nya yang terhad ia-itu pelanchong luar negeri yang tunjok Passport-nya, kad-nya sahaja—itu sahaja yang boleh. Itu bukan berarti kami menyokong tetapi kalau-lah Kerajaan hendak buat juga biarlah pelanchong luar negeri sahaja. Jadi yang ra'ayat dalam negeri ini tutup, tutup langsung. Ini, Tuan Yang di-Pertua, saya shorkan bagitu, kalau hendak buat. Tetapi ingat baik², Tuan Yang di-Pertua, saya shorkan kapada Menteri Kewangan itu tarek balek chadangan ini tutup semua judi dalam negeri ini. Sekian sahaja, terima kaseh.

Tuan Hussein bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di-sini ia-lah untuk memberi sokongan kapada Rang Undang² yang di-bentangkan di-dalam Dewan ini berkaitan dengan Rumah Judi Am. Apabila saya memberi sokongan, Tuan Yang di-Pertua, bukan berarti saya ini bersetuju sangat dengan judi dan bukan-lah pula saya ini sa-orang kaki judi. Tetapi memandangkan kapada Pindaan ini hanya-lah untuk memberi kuasa kapada Menteri yang berkenaan membatalkan sa-suatu lesen atau membuat pindaan² mengenai-nya pada bila² masa yang di-fikirkan perlu.

Tuan Yang di-Pertua, saya apabila mengikuti alasan² yang di-kemukakan oleh sahabat² saya dari pehak Pembangkang mengenai dengan tidak bagus-nya ranchangan Kerajaan ini terasa kapada saya sa-olah² dalam Malaysia ini ada sa-buah negeri yang suchi, bersehh daripada kejadian judi ini dan barangkali boleh jadi-lah negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, masallah kita hendak menyekatkan sa-saorang itu daripada bermain judi itu ada-lah perkara yang boleh di-lakukan oleh diri sa-saorang. Arti-nya kalau kita ingin melihat sa-saorang berjudi chuba-lah kita controlkan diri kita dahulu supaya dengan chara kita memaksa diri kita tidak bermain judi itu sa-bagai suatu chon-toh yang boleh di-ikuti oleh orang² lain. Jadi dengan sebab itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, sa-kira-nya chakapan yang di-beri oleh sahabat saya daripada Parti PAS itu merupakan chakapan yang jujur dan ikhlas, saya rasa elok bagi mereka apabila balek ka-Kelantan

chuba-lah bersehekan pengikut² PAS lebih dahulu daripada bermain benda ini dan, kalau boleh, jadikan-lah negeri Kelantan sebagai negeri contoh dan tidak sa-kali² ra'ayat-nya bermain judi. Kalau ini dapat dilakukan oleh pemimpin, PAS barangkali saya agak, Tuan Yang di-Pertua, dapat membuka suatu jalan atau pun dapat membuka suatu fikiran baharu kepada pemimpin² Kerajaan yang ada ini untuk menchari ilham daripada Kelantan bagaimana chara-nya pula kita lakukan di-dalam negeri² yang lain, tetapi kalau hanya-lah berchakap sahaja di-dalam Dewan ini untuk kebaikan tetapi bila balek atau keluar daripada Dewan ini kadang² yang perchakapan itu melakukan lebih daripada orang yang tiada berchakap maka saya rasa akan malu kepada pengundi-nya sendiri sa-olah² mereka ini berseh dalam Dewan ini tetapi kurang berseh apabila berada di-luar daripada di-Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa menyatakan perkara ini kerana saya tinggal berhampiran benar dengan negeri yang agak katakan sa-olah² berseh itu. Dan kalau di-tempat saya itu ada judi tikam ekor dan tidak barapa jauh dari pejabat saya sendiri, saya nampak kalau di-hetong² antara penyokong Perikatan dengan penyokong PAS barangkali agak sama ramai-nya menikam ekor itu, Tuan Yang di-Pertua, tetapi tentulah kepada saya sendiri macham saya katakan tadi saya bukan-nya bersetuju sangat dengan judi ini, tetapi oleh kerana kita memikirkan sa-saorang yang sukakan judi, walau pun kita tidak memberi tempat kepada mereka, mereka berjudi juga. Jadi oleh sebab itu-lah saya katakan tadi kalau kita benar tidak ingin melihat kejadian judi ini berlaku dalam tanah ayer kita, maka mulai daripada sekarang ini chuba-lah kita bersehekan diri kita dahulu, bersehekan diri sanak saudara kita, famili kita, pengikut kita, penyokong kita atau pun pemimpin kita sendiri.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian berchakap berhubung Rang Undang² (Pindaan) Rumah Judi 'Am ini. Saya sudah beberapa hari dalam Dewan yang mulia ini dan saya dapati bahawa satu usaha yang sedang di-jalankan dan akan di-jalankan ia-lah hendak mengurangkan atau pun menghapuskan kemiskinan di-dalam negara kita ini. Apa-kah dengan bertambah-nya judi di-dalam negeri ini, maka usaha besar Kerajaan

untuk menghapuskan penganggoran dan kemiskinan itu dapat di-atasi dengan bertambah banyak-nya judi dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada satu masa saya mendengar radio yang telah di-uchapkan oleh Ketua Pegawai Polis, Negeri Trengganu menyatakan bahawa di-kawasan Kuala Trengganu sudah banyak penchuri² sa-hinggakan menchuri basikal dan lain²-nya dan dinasihatkan supaya pehak tuan² punya itu menjaga basikal-nya dan kalau hendak tinggalkan rumah hendak-lah di-kunci rumah-nya baik².

Sa-sudah itu saya sa-bagai Wakil Ra'ayat mengambil perhatian di-atas amaran Ketua Pegawai Polis ini dan saya membuat penyiasatan sebab apa yang saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, kawasan bandar Kuala Trengganu atau pun daerah Kuala Trengganu itu merupakan bandar atau pun daerah yang paling aman-nya dahulu. Hasil daripada penyiasatan sa-chara kasar yang saya telah lakukan ta' lain dan ta' bukan ini ia-lah salah satu daripada akibat kerana bertambah-nya judi yang telah di-perundang²-kan oleh pehak² Kerajaan dalam negara ini. Apakah ini suatu perkara yang di-pandang kecil oleh pehak Kerajaan. Saya pandang ini adalah satu malapetaka yang amat besar yang akan menimpa penduduk² dalam negeri ini dan usaha Kerajaan hendak menghapuskan penganggoran dan kemiskinan di-dalam negeri ini tidak akan berjaya, kerana walau macham mana pun usaha Kerajaan menambah berbagai² ranchangan kemajuan bagi menambahkan pendapatan hidup ra'ayat negeri ini, tetapi ra'ayat negeri ini di-timpa dua malapetaka yang besar. Yang pertamanya ia-lah dengan kenaikan chukai, maka ra'ayat sudah susah kerana harga barang² yang mahal dan pendapatan yang sampai hari ini belum bertambah lagi dan masuk pula kepada soal yang kedua dengan bertambah-nya judi ini, sa-hinggakan apa yang saya tahu dalam bandar Kuala Trengganu itu kalau dahulu waktu malam beramai² penduduk dalam bandar atau pun di-tepi bandar itu keluar menchari makan di-waktu malam masuk kedai kopi dan bermacham² tempat, tetapi hari ini oleh kerana ada-nya tikam ekor, ada-nya Toto dan sa-bagai-nya boleh dikatakan waktu malam, saya lihat sudah begitu kering dan sepi sa-kali. Dan saya harap-lah pehak Kerajaan jangan perchaya chakap saya ini, dan membuat suatu penyiasatan yang halus dan teliti apa-kah benar

ini usaha membanyakkan judi ini akan menambahkan kema'amoran pada ra'ayat negara ini.

Tun Tan Siew Sin: *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, unlike Honourable Members who have spoken in the debate, I am not a Muslim, but I can assure Honourable Members of this House that I introduced this Bill neither with pleasure nor with enthusiasm. That is why I made it very clear in my speech, when moving the second reading of this Bill, that the Government will lay down the most stringent conditions to ensure that the patrons of any casino set up in this country will be confined only to tourists and those who can afford to lose.

The very fact that one of the conditions for the grant of such a licence is the fact that a casino must be sited in an area which is inaccessible to thickly populated urban centres, and rural areas for that matter, and the fact that the licence will stipulate that no one can even enter the casino without paying a deposit of \$100 will, I think, ensure that this objective is achieved. So I think Honourable Members of the P.M.I.P. who have spoken will agree that the Government is doing everything it can to ensure that gambling in these casinos is confined only to foreign tourists and the affluent members of our society. I do not think we can do more, but we have at the same time to be realistic and admit that if we want to promote tourism in a big way, it will be necessary in very few cases, we hope, to allow the operation of a casino in such areas. I think I made it clear in my speech that the Government will do everything it can. We certainly do not want to encourage gambling in a big way in this country and we do not certainly intend to flood this country with casinos.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sabagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sabagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua pengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa).

Fasal 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sabahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² EKSAIS (NEGERI² TANAH MELAYU, SARAWAK DAN SABAH) (PINDAAN)

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan bahawa suatu Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Akta Eksais, 1961 Negeri² Tanah Melayu, Ordinan Eksais Sarawak, Bab 27 dan Ordinan Eksais 1959, Sabah, di-bacha bagi kali yang kedua.

Ada pun tujuan Rang Undang² ini ia-lah untuk memansokhkan Ordinan Dharurat (Kuasa² Perlu) No. 19, 20 dan 21 yang di-ishtiharkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di-bawah Fasal 150 (2) dalam Perlembagaan Persekutuan dan memasokkan pindaan yang di-buat di-bawah Ordinan itu dalam suatu undang² yang kekal.

Pada masa Ordinan² Dharurat tersebut telah di-ishtiharkan untuk menguatkuasakan perubahan² tertentu dalam Akta Eksais, 1961, Malaysia Barat dan Ordinan² Eksais Sabah dan Sarawak untuk membolehkan chukai eksais di-kenakan berasaskan nilai. Sa-belum perishtiharan Ordinan² Dharurat tersebut chukai eksais di-kenakan sa-chara tertentu, ia-itu kadar-nya di-tentukan bagi satu yunit quantity yaani jumlah banyak-nya. Ini di-sebabkan tidak ada peruntokan dalam undang² itu bagi pengertian nilai yang mesti di-peruntokkan sa-belum chukai eksais boleh di-kenakan berasaskan nilai. Walau pun chara pungutan chukai berasaskan chukai tertentu senang di-tadbirkan chara itu tidak bagitu baik dari segi hasil negara. Chara itu tidak sesuai atau pun tidak mengikut pertukaran nilai. Dan oleh itu perubahan nilai barang² yang di-chukai tidak memberi kenaikan hasil yang sama juga chara pungutan itu tidak membayangkan keadilan atau sama rata kerana ada barang² yang berlainan nilainya tidak memikul beban chukai yang berlainan. Chukai yang berasaskan nilai saperti yang di-bayangkan oleh nama chukai-nya itu ada-lah di-kaitkan dengan harga barang² itu

dan dengan itu akan mengatasi segala ke-burokan chukai tertentu. Chara pungutan chukai itu dari segi pentadbiran ada-lah lebih sesuai.

Pada masa yang lepas apabila hasil daripada chukai hasil daripada chukai eksais tidak begitu banyak tidak-lah begitu sesuai bagi pungutan chukai berasaskan nilai, tetapi sekarang memandangkan barang² chukai eksais dalam hasil negara berikutan dengan perindustrian ada-lah di-fikirkan mustahak seperti mana di-sebutkan dalam perenggan dua di-atas untuk membuat satu peruntukan dalam Undang² bagi mengenakan chukai eksais berasaskan nilai.

Pindaan bagi memberi pengertian nilai yaani value bagi suatu barang yang berchukai dalam Perundangan yang berkenaan atas eksais seperti yang di-sebut dalam Rang Undang² ini ada-lah di-perbuat dengan tujuan ini.

Pindaan² lain yang telah di-buat ada-lah berikutan dengan pindaan memansuhkan pengertian nilai untuk menguruskan dan mentadbirkan pengertian itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatankuasa.

Rang Undang² di-timbang dalam Jawa-tankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² (PINDAAN) (CHUKAI PENDAPATAN) PETROLIAM

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan suatu Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Chukai Pendapatan Petroliam, 1967 di-bacha bagi kali yang kedua.

Rang Undang² ini bertujuan untuk memasukkan sa-mula pindaan² yang di-buatkan kepada Akta Chukai Pendapatan Petroliam, 1967, sa-masa dharurat dalam satu Rang Undang² yang kekal. Pindaan² ini membolehkan pendapatan dari perusahaan petroliam di-masukkan ka-dalam bidang perjanjian² baharu yang mungkin dibuat antara Malaysia dengan negeri² lain bagi mengelakkan chukai dua kali berhubong dengan chukai² yang di-kenakan atas pendapatan.

Pada masa ini Sekshen 132, Akta Chukai Pendapatan, 1967, memberi kuat-kuasa kepada Menteri Kewangan untuk meng-ishtiharkan dengan Perintah Berkanun mula dan terus berkuat-kuasa-nya apa² peratoran yang mungkin di-buat antara Malaysia dengan negeri² lain bagi mengelakkan chukai dua kali berhubong dengan chukai pendapatan. Peruntukan ini di-kenakan juga atas chukai pendapatan tambahan mengikut Sekshen 3, Akta Chukai Pendapatan Tambahan, 1967.

Bidang kedua² Undang² Chukai Pendapatan seperti yang di-sebutkan di-atas itu tidak-lah meliputi pendapatan yang diperolehi daripada perusahaan petroliam. Chukai yang di-kenakan atas pendapatan ini ada-lah tertaalok di-bawah Undang² yang berasingan, ia-itu Akta Chukai Pendapatan Petroliam, 1967, yang di-kemukakan dalam tahun 1968. Sunggoh pun pendapatan yang di-perolehi daripada perusahaan petroliam tertaalok di-bawah Undang² yang berasingan akan tetapi pendapatan tersebut ada-lah pendapatan daripada perniagaan seperti juga pendapatan² yang lain yang terta'alok di-bawah Akta Chukai Pendapatan. Dalam sa-tengah² negeri lain chukai yang di-kenakan atas pendapatan ini ada-lah terta'alok di-bawah Undang² Chukai Pendapatan biasa. Oleh itu ada-lah mustahak bahawa bidang perjanjian bagi mengelakkan chukai dua kali itu di-luaskan lagi untuk meliputi juga pendapatan yang di-perolehi daripada perusahaan² petroliam. Pada masa ini tidak ada

peruntukan dalam Undang² Chukai Pendapatan atas petroliam yang sa-rupa seperti Sekshen 132, Akta Chukai Pendapatan yang telah di-sebutkan di-atas, untuk membolehkan pendapatan yang di-perolehi daripada perusahaan petroliam di-masokkan ka-dalam bidang perjanjian baharu bagi mengelakkan chukai dua kali.

Patut-lah di-nyatakan di-sini bahawa memasukkan chukai pendapat atas petroliam dalam perjanjian bagi mengelakkan chukai dua kali ini tidak akan mengakibatkan kehilangan hasil kepada Kerajaan. Hak utama Kerajaan Malaysia untuk mengenakan chukai atas pendapatan petroliam yang di-perolehi daripada mereka tidak akan di-terganggu.

Negara berjanji yang satu lagi dalam perjanjian itu akan membenarkan chukai yang di-bayar atas pendapatan petroliam yang di-perolehi daripada Malaysia itu sa-bagai credit terhadap chukai yang semua di-bayar atas pendapatan tersebut dalam negara berjanji yang satu lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatankuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesuarat Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² (PINDAAN) (CHUKAI PENDAPATAN)

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan bahawa Rang Undang² bernama satu Akta

bagi meminda Akta Chukai Pendapatan, 1967 di-bacha kali yang kedua-nya.

Dalam ucapan belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 22hb Disember, 1970 ada-lah di-umumkan bahawa kadar pengurangan chukai yang di-beri sekarang kepada pembayar² chukai di-Malaysia Timor akan di-kurangkan daripada 30% kepada 20% sa-bagai satu langkah untuk menyamakan kadar² chukai dalam Malaysia.

Satu perentah berkanun telah pun di-keluarkan sa-lanjut-nya pada 24hb Disember, 1970 di-bawah Sekshen 6 (2) Akta Chukai Pendapatan, 1967 untuk menguatkuasakan langkah chukai tersebut.

Sekshen 6 (3) Akta Chukai Pendapatan 47/1967 memberi syarat bahawa perentah² yang di-keluarkan di-bawah Sekshen ini akan luput sa-telah tamat-nya tempoh masa selama 3 bulan yang bermula dari tarikh perentah tersebut di-keluarkan melainkan jika satu Akta untuk mengubahkan kadar itu di-luluskan. Memandangkan kepada keperluan berkenaan ini ada-lah mustahak bahawa Rang Undang² Chukai Pendapatan Pindaan, 1971 yang telah pun di-edarkan kepada Ahli² Yang Berhormat itu di-luluskan. Tujuan Rang Undang² ini ia-lah untuk mengubahkan kadar chukai seperti yang telah di-sebutkan terlebih dahulu tadi bagi tahun taksiran 1971 dan tahun² taksiran yang kemudian-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

Tuan Khoo Peng Loong (Bandar Sibu): Mr Speaker, Sir, by the variation of the abatement rate from 30% to 20% the taxpayers in East Malaysia will have to pay 10% more on their taxable income. I would plead with the Federal Government that this abatement rate should not be further reduced. The burden of the tax-payers in East Malaysia is much worse off than their counterparts in West Malaysia. We in East Malaysia, Sir, have to pay more for the essential commodities, particularly the imported goods, on account of having to pay higher freight charges and because of bad communications the consumers have to pay higher transport and handling charges. Similarly, our producers and farmers get much less than those in West Malaysia for

the same reasons. The transport and handling charges make a substantial cut into the prices which they can get. For example when rubber is sold at 50 cts per kati in town, the rubber tappers in the rural areas will get something like 40 cts per kati. Fertilizers are usually sold at the rate of 25 cts more in the rural areas than in towns. The rate of income is therefore about 20% less and the cost of living is about 25% more than in West Malaysia. Mr Speaker, Sir, this pattern is reflected not only on the poorer sections of the community but also on the middle income group which forms a fairly large section of the people. This abatement is necessary in view of the fact that although we use the same currency in East and West Malaysia but your dollar here will go a longer way than in Sarawak and Sabah.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang berchakap dalam soal Rang Undang² (Pindaan) (Chukai Pendapatan) di-dalam Majlis ini. Saya berharap dapat mengambil perhatian yang berat kepada pihak Menteri yang bersangkutan ia-itu Kerajaan telah mengenakan Chukai Pendapatan kepada sa-orang kaki-tangan Kerajaan yang ada mempunyai isteri dan anak², yang bergaji \$500.00 ka-atas, ia-itu Kerajaan tidak mengaku anak sa-saorang Pegawai Kerajaan itu sa-puluh orang. Yang di-akuinya ia-lah lima orang sahaja. Maka ini-lah satu tanggungan yang berat di-tanggong oleh kaki-tangan Kerajaan yang bergaji \$500.00 kerana anak-nya yang di-aku oleh Kerajaan ia-lah lima orang; yang dia bertanggung-jawab di-untukkan perbelanjaan anak² itu, tetapi yang sedeh-nya tidak di-aku oleh Kerajaan anak dia, tidak berhak menanggong perbelanjaan anak itu.

Jadi, ini-lah satu perbuatan, pada pendapat saya, tidak adil dan menasabah kerana tiap² anak walau apa bangsa sa-kali pun, dia mesti bertanggung-jawab kepada anak dia. Jika yang lima itu dia bertanggung-jawab memberi pelajaran, menanggong segala sara hidup-nya anak yang lima itu tidak dapat dia menanggong-nya kerana di-kutip chukai pendapatan oleh Kerajaan. Apa-kah jadi anak² itu? Padahal bapa itu ada-lah bertanggung-jawab, jika anak-nya tiada mempunyai pelajaran, menjadi penjahat, menjadi penchuri dan sa-bagai-nya. Sa-patut-nya Kerajaan hari ini meminda Rang Undang² Pendapatan ini sa-lain daripada lima orang

anak yang di-aku itu, beri-lah juga per-untukan-nya supaya menyenangkan tanggong-jawab bapa-nya menanggong anak² itu untuk persekolahan-nya.

Yang kedua, ada kaki-tangan Kerajaan Division I, dia ada kemampuan, ada kebolehan, ada tenaga. Dia beristeri sampai empat atau pun tiga, sebab dia ada tenaga (*Ketawa*). Dia ada kemampuan, tetapi mengapa Kerajaan mengaku isteri dia sa-orang sahaja. Yang berdua itu tidak di-aku oleh Kerajaan, di-kenakan Chukai Pendapatan, pada hal negara ini negara Islam—tidak sa-laras dengan Ugama Islam, ugama rasmi, pada hal orang Islam beristeri empat tidak di-aku. Dia jatuh berkhawat. Mengapa tidak di-tangkap? Jadi dengan demikian, saya merayu kepada pihak berkuasa, Menteri yang bersangkutan hendak-lah di-beri peruntukan isteri-nya itu sebab dia manusia biasa juga, tidak-lah menanggong beban kepada suami-nya. Itu-lah dia, saya berharap kepada pihak yang berkuasa, Menteri yang bersangkutan mendengar sedikit rayuan daripada saya.

Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong di-atas soal chukai pendapatan ini, tetapi sabaaimana saudara saya tadi, daripada Parit, mengatakan soal chukai pendapatan ini barangkali Kerajaan kita mengkaji, meniru di-Eropah. Di-Eropah atau di-Amerika, betul, tetapi di-Asia ini, negeri² timor ini, bukan sahaja kita menanggong anak, tetapi juga menanggong bapa, menanggong emak, sebab kita orang miskin duduk di-luar bandar, mithal-nya saya-lah, bergaji \$500.00, \$600.00. Bapa saya, emak saya sekolahkan saya. Kemudian sudah di-sekolahkan, lepas itu anak-nya bekerja, saya bekerja. Bapa itu menumpang di-rumah saya, emak itu menumpang di-rumah saya, adek-beradek saya pun menumpang di-rumah saya. Sudah itu anak pun ramai.

Jadi, dengan sebab itu Kerajaan mesti-lah memikirkan-lah bagaimana keadaan di-Eropah dan bagaimana keadaan di-Asia ini. Jadi, berbeza keadaan-nya di-antara Malaysia dengan England. Jadi, Kerajaan mesti-lah berfikir menengokkan keadaan² ini oleh kerana baik orang China, baik orang India, orang Melayu di-negeri ini yang mempunyai gaji² bagini, macham mana saudara saya daripada Parit tadi mengatakan, kalau ada

lima orang anak, ada enam orang anak, tujuh orang anak, sa-puloh orang anak, kadang² ada dua belas orang anak, sungguh pun Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang dahulu-lah, bukan yang sekarang ini mengatakan tidak usah beranak banyak², tidak usah beranak banyak², tetapi orang Melayu lebeh banyak anak-nya.

Ahli Yang Berhormat dari Parit mengatakan boleh kahwin dua, boleh kahwin tiga, ada yang empat. Di-Kelantan tidak di-tegah kahwin empat pun boleh. Ugama Islam mengatakan boleh kahwin empat, lima sahaja yang tidak boleh, cherai satu.

Jadi, dengan sebab itu banyak akan terpaksa-lah, ini duit, atau pun gaji \$500.00, \$600.00, potong anak yang sa-puloh, apa yang dapat. Jadi, kadang² itu-lah sebab-nya kebanyakan daripada Pegawai² Kerajaan kita hutang Cheti, salah-kah dia? Sebab chukai pendapatan, terpaksa-lah potong tiap² tahun. Soal-nya ia-itu anak banyak, Dato' hendak di-tanggong, nenek hendak di-tanggong, bapa hendak di-tanggong, saudara pun hendak di-tanggong. Tidak usah, saudara kira luar-lah, tetapi bapa, emak-nya itu yang penting sa-kali, ta'kan hendak di-halau emak bapa-nya daripada rumah dia. Dia mesti tanggong. Dengan sebab itu saya sokong, tetapi mesti-lah Kerajaan memikirkan di-atas perkara ini. Sekian, terima kaseh.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, sukachita saya mengambil bahagian juga dalam meluluskan Akta (Pindaan) Chukai Pendapatan ini, walau pun beberapa perkara telah di-sebutkan oleh kawan² saya, sama ada Ahli Yang Berhormat dari Parit atau pun Ahli dari Kuala Selangor.

Dato' Yang di-Pertua, dalam perkara ini saya ingin menarek perhatian pehak Kerajaan tentang orang² Islam kita yang di-kenakan dua kali Chukai Pendapatan. Pertama, chukai yang di-kenakan oleh pehak Kerajaan di-bawah Undang² yang kita adakan ini. Yang kedua dari segi Ugama Islam, kita kena zakat—zakat fitrah, zakat duit, zakat harta, zakat emas dan sa-bagai-nya. Jadi, saya harap pehak Kerajaan mengambil perhatian di-atas perkara ini dan membuat penyesuaian atas hal ini antara orang yang beragama Islam dengan orang yang bukan Islam supaya jangan kita orang Islam ini terlampau berat bebanan-nya. Jadi, zakat dari segi Ugama wajib di-bayar. Dari segi

Undang² pun—tidak bayar salah juga dan Undang² ini pun wajib di-bayar dari segi Undang² kita.

Yang kedua, Dato' Yang di-Pertua, berhubung dengan kadar chukai pendapatan yang di-kenakan terhadap ra'ayat negeri kita ini harus di-timbangkan sa-mula kerana sa-benar-nya kedudukan negeri kita ini, barang makin bertambah, makin bertambah, bertambah, bertambah dan sa-makin sa-hari makin mahal walau pun kilang² ada dalam negeri kita ini, tetapi barang pun mahal sahaja. Jadi, kita dengan di-sana sini sebok dengan barang mahal, sedangkan kadar yang di-katakan, orang yang di-kenakan chukai pendapatan itu ada-lah macham biasa juga ia-itu dengan hak-nya dan kadar isteri, \$1,000.00; anak yang pertama \$750.00; anak yang kedua \$500.00 dan sa-bagai-nya.

Jadi, saya harap pehak Kerajaan timbangkan sa-mula perkara ini untuk menyesuaikan dengan kehendak ra'ayat dalam negeri ini yang sudah menjadi serba salah dengan keadaan ini. Itu-lah sa-chara rengkas, Dato' Yang di-Pertua. Terima kaseh.

Dato' K. M. James Wong (Miri-Subis): Mr Speaker, Sir, I would like to make some very short observations in connection with this Bill.

I agree with what my Honourable friend from Bandar Sibu has spoken earlier on the differentials between the cost of living of East Malaysia and West Malaysia. Things are generally more expensive in East Malaysia than in West. I think that has been supported by the fact that even when Government civil servants go on secondment over to East Malaysia, they get very much more allowances than they would when they are serving in West Malaysia. Anyway, Sir, what I would like to point out here is one aspect of the Agreement in the I.G.C. Report under paragraph 24 (1), which reads:

" The level of Federal taxation in the Borneo States should be brought up to Federation of Malaya levels in graduated stages over a period of years and the steps should not be grossly disproportionate."

Of course, there is a need, I grant there is a need, for us to gradually harmonize the taxation between West Malaysia and East Malaysia, but in doing this, I do hope the Government will always bear in mind that things, as we have pointed out earlier, over in East Malaysia are very much more expensive. Anything you can name of, they

are more expensive over there than over here because, firstly, due to the cost of transportation and, secondly, due to the fact that you have factories here, you have more industries here; but we have to import everything, because we do not have enough factories ourselves there to cater to the consumer items particularly. This particular reduction in the abatement of taxation will be very hard on the middle income group of people in East Malaysia. Sir, I felt I have to bring this matter up here to your attention and to the attention of the Government here so that this would be borne in mind in future when there is any sort of further taxation. Under the provisions of the I.G.C. Report, Sir, there is also mention that, I quote, "There should be *ad hoc* consultations with the Senior Officers concerned in the Borneo States regarding tax changes and in addition the Borneo States should each be represented on the Malaysian Board of Income Tax." I presume Sarawak must have been consulted on this, but as an elected Member of the people in Sarawak, Sir, I felt that I have to bring this up—that I think this will cause hardship to the lower and middle income groups.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menjawab dua perkara yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit dan juga dari Dungun. Yang pertama sa-kali Ahli Yang Berhormat dari Parit telah meminta Kerajaan supaya menimbangkan balek chara mengenakan chukai pendapatan kepada mereka yang mempunyai anak lebeh daripada lima orang. Perkara ini telah selalu di-bangkitkan dan jika tidak di-beri penerangan mungkin kekeliruan akan berpanjangan. Orang² yang mempunyai sadikit anak mithal-nya dua atau tiga orang akan terpaksa membayar chukai yang lebeh banyak daripada sa-orang yang mempunyai sa-puluh orang anak mithal-nya, jika sa-kira-nya kesemua-nya sa-kali jumlah pendapatan-nya itu hendak di-tolak, atau di-kechualikan daripada chukai pendapatan. Sebab orang² yang mempunyai sadikit anak ada-lah sadikit tanggungan Kerajaan di-atas anak² mereka mithal-nya dalam persekolahan. Tetapi orang² yang mempunyai anak yang banyak, maka bertambah besar-lah tanggong-jawab Kerajaan di-atas anak-nya yang begitu ramai mengadakan sekolah yang lebeh banyak dan sa-bagai-nya lagi.

Jadi kalau sa-kira-nya orang yang mempunyai anak lebeh daripada lima orang semua-nya hendak di-kechualikan daripada pembayaran chukai pendapatan itu, maka tentu-lah ini tidak adil, kapada orang yang beranak sadikit yang terpaksa membayar chukai yang lebeh banyak sebab per-kechualian-nya sadikit sedangkan tanggong-jawab Kerajaan ada-lah lebeh berat daripada orang yang mempunyai anak yang lebeh ramai. Maka di-atas dasar itu-lah Kerajaan menetapkan hanya lima orang anak sahaja yang boleh di-kurangkan chukai pendapatan daripada hasil pendapatan keluarga tersebut.

Yang kedua, Ahli Yang Berhormat dari Dungun menyatakan bahawa orang Islam terpaksa membayar Income Tax dua kali ia-itu termasuk pembayaran zakat dan fitrah. Bahawa zakat dan fitrah bukan-lah satu kumpulan wang yang di-ambil oleh Kerajaan saperti pungutan chukai pendapatan, tetapi ini ada-lah semata² mengikut kehendak ugama di-mana orang² yang mempunyai kemampuan terpaksa menolong orang² yang tidak mampu atau pun orang miskin di-dalam masharakat Islam itu sendiri. Ini berma'ana pembayaran zakat dan fitrah hanya berjalan di-dalam lingkungan orang² Islam ia-itu orang² yang mempunyai atau yang berada menolong orang yang tidak berada dan bukan di-ambil oleh Kerajaan. Kerajaan hanya mengutip chukai pendapatan, maka dengan sebab itu tidak-lah boleh di-salahkan Kerajaan jika orang Islam terpaksa memikul beban yang berat, ini semata² mengikut kehendak dan itu pun jika di-selideki ugama kita sangat-lah luas, sangat-lah adil ia-itu orang² yang berkemampuan sahaja di-kehendaki mengeluarkan zakat dan fitrah menolong mereka yang tidak berkemampuan. Hal² yang telah berlaku selama ini ada-lah sa-balek-nya. Kadang² di-dapati orang miskin yang mengeluarkan zakat yang mengeluarkan fitrah dan yang mendapat zakat dan fitrah itu ia-lah orang² kaya, orang² yang lebeh senang daripada orang² mengeluarkan zakat di-atas beberapa sebab. Hal² ini-lah yang patut di-kaji dengan halus dan di-perbaiki dan saya maseh ingat lagi dalam tahun 1968 satu Kongres Alim Ulama' telah pun diadakan di-anjorkan oleh MARA dan satu daripada perkara² zakat dan fitrah telah pun di-binchangkan, dan jika ada di-dapati kesulitan yang saperti ini kongres² saperti

itu boleh di-adakan dari satu masa ka-samasa untuk memperbaiki perjalanan ugama Islam itu.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab dengan chara sa-berapa ringkas terutama sa-kali rayuan daripada Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibu dan juga yang di-sokong oleh Ahli Yang Berhormat dari Miri-Subis. Pada semangatnya pehak Kerajaan ada-lah bersimpati dengan apa yang di-katakan itu, tetapi dalam menjalankan mengkaji sa-mula tiap² perkara yang berkenaan dengan Report I.G.C. dan juga berkenaan dengan had chukai ini pehak Kerajaan Pusat di-perengkat pegawai²-nya memang-lah telah berunding dari sa-masa ka-samasa sa-belum membuat perubahan² ka atas chukai yang di-kenakan bagi negeri² di-Malaysia Timor.

Perkara yang kedua yang di-timbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sibu ia-itu dengan mengubah had chukai ini akan menyusahkan orang² yang miskin, ini ada-lah satu pendapat yang salah sama sa-kali, kerana orang² miskin yang berpendapatan rendah itu tidak masok di-dalam jaring atau net chukai pendapatan, jadi tidak timbul perkara ini sama sa-kali.

Perkara yang satu lagi tentang harga barang² mahal oleh kerana transport atau kenderaan susah, tetapi ini ada-lah satu soal yang lain dan bukan soal chukai pendapatan. Perkara yang menarek hati, ia-itu Ahli dari Parit telah menudoh atau mengatakan Kerajaan tidak mengaku² anak sa-lepas daripada lima orang. Jadi saya fikir soal tidak mengaku² anak atau tidak mengiktiraf anak sa-lepas lima orang itu tidak timbul asalkan sa-saorang itu kawin mengikut undang², saya fikir dalam negeri ini, anak² walau pun 100 sa-kali pun di-aku² oleh negeri, di-aku² oleh Kerajaan sa-bagai anak mereka itu yang sah. Apa yang di-buat oleh Kerajaan ia-lah kalau sa-lepas lima orang, maka perkechualian daripada kira² Income Tax atau chukai pendapatan itu tidak di-buat dengan tujuan kita tidak berapa hendak menggalakkan bertambah-nya penduduk dengan begitu chepat sa-hingga menimbulkan population explosion dalam negara kita ini.

Yang kedua-nya bila banyak anak, maka Kerajaan terpaksa memikul banyak tanggung-jawab mereka dalam pelajaran dan dalam lain², maka ada-lah adil kalau mereka itu tidak di-kechualikan.

Kemudian ada satu lagi perkara Ahli Yang Berhormat dari Parit mengatakan bahawa Kerajaan tidak menggangap isterinya yang lebeh daripada sa-orang, saya fikir ini pun ta' timbul, kerana asalkan mereka itu bernikah mengikut undang² masing² ugama lebeh daripada sa-orang, kalau orang Islam asalkan jangan lebeh daripada empat, saya fikir perkawinan mereka itu, isteri mereka itu ada-lah sah, tetapi Kerajaan tidak-lah dapat hendak menggalakkan orang² Islam berkawin lebeh daripada satu dengan chara memberikan elaun mereka itu untuk membolehkan mereka kawin lebeh daripada satu, dan saya fikir orang² Islam pun tidak-lah menggalakkan orang² berkawin lebeh daripada satu hanya di-bolehkan sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun mengatakan orang² Islam membayar chukai dua kali yang pertama chukai Income Tax, yang kedua-nya chukai zakat dan zakat fitrah atau sa-bagai-nya. Untuk ma'loman Ahli Yang Berhormat itu bayaran chukai, bayaran zakat dan juga bayaran chukai zakat fitrah ada-lah di-kechualikan daripada kira² pendapatan untuk mengira chukai pendapatan. Jadi soal apa yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun bahawa orang Islam itu membayar chukai dua kali ada-lah tidak benar sama sa-kali. Saya harap lain kali Ahli Yang Berhormat itu baca-lah undang² lebeh dahulu sa-belum hendak berchakap mengatakan orang Islam membayar chukai dua kali.

Ahli Yang Berhormat dari Miri-Subis lagi² membalekkan soal I.G.C. Report. Saya suka-lah menjelaskan di-sini sekali lagi apa yang di-buat dalam hal chukai ini ada-lah graduated stages yaani sa-chara bertingkat² atau sa-chara beransor². Sebab itu-lah kalau kita tengok tahun 1965 abatement di-bahagikan 40%, tahun 1966 30%, tahun 1967 ta' di-ubah, tahun 1968 ta' di-ubah, tahun 1969 ta' di-ubah, tahun 1970 ta' di-ubah dan tahun 1971 baharu di-ubah. Jadi ini menunjukkan bahawa Kerajaan Pusat ada-lah patoh kapada perjanjian² yang di-buat-nya dan saya berharap Ahli Yang Berhormat dari Miri-Subis itu ta' usah-lah bimbang akan kesetiaan Kerajaan Pusat dalam menunaikan tanggung-jawab-nya sesuai dengan perjanjian² yang di-buat-nya. Sekian.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

PENANGGOHAN

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya chadangkan meshuarat ini di-tanggoahkan.

Tuan Mohamed bin Yaccob: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

UCHAPAN PENANGGOHAN

PERKHIDMATAN GURU² DAN TANGGA-GAJI YANG BERLAINAN

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok): Dato' Yang di-Pertua, saya meng-uchapkan berbanyak terima kaseh dapat peluang berchakap pada masa ini ia-itu-lah sa-bagai ucapan penaggohan saya.

Dato' Yang di-Pertua, oleh kerana sa-bilangan besar daripada orang² yang telah berbakti kepada negara pada hari ini ia-lah guru, maka dapat-lah saya berchakap sedikit sa-banyak pada hari ini berkenaan dengan masalaah² yang di-hadapi oleh guru sekolah dalam negara pada masa ini.

Dato' Yang di-Pertua, masalaah yang pertama yang saya hendak sebutkan dalam perkara ini ia-lah masalaah perkhidmatan yang berbeza². Pada masa ini sa-tahu saya di-Malaysia ini ada berpuluh² jenis Kesatuan Guru dan ada berpuluh² jenis guru di-Malaysia ini. Ada guru pegawai Kerajaan, ada Guru Yang di-Persatukan atau pun guru U.T.S. dan ada guru yang tidak dapat di-masokkan, guru pegawai Kerajaan dan tidak dapat di-masokkan, guru U.T.S.

Dato' Yang di-Pertua, saya tidak risaukan dengan berbagai² jenis nama perkhidmatan yang di-berikan kepada guru² itu kira-nya

guru² itu sendiri berpuas hati dengan keadaan perkhidmatan dan gaji mereka, tetapi, Dato' Yang di-Pertua, apa yang memeningkan kepala kita ia-lah dengan ada-nya pelbagai jenis latehan dan perkhidmatan bagi guru² itu lain-lah pula layanan² perkhidmatan dan tangga-gaji yang berbeza².

Dato' Yang di-Pertua, tangga-gaji yang berbeza² itu pula dapat-lah di-mengertikan oleh ra'ayat seluruh-nya jika kelulusan akademik mereka yang berbeza² pula, tetapi malang-nya, Dato' Yang di-Pertua, terdapat guru² yang memileki taraf akademik yang sama dengan tempoh latehan iktisas yang sama, tetapi gaji mereka jauh berbeza. Ini jelas, Dato' Yang di-Pertua, terlihat mithal-nya perbezaan layanan yang di-terimakan oleh guru² pegawai Kerajaan dengan guru² yang bukan Kerajaan.

Satu chontoh yang paling terang sa-kali ia-lah kalau sa-kira-nya sa-sabua sekolah itu sekolah kecil atau pun small school, kemudian Guru Besar-nya guru U.T.S. kalau sa-kira-nya guru Melayu yang berkelulusan S.P.M. atau pun H.S.C. dia menjadi Guru Besar di-sekolah kecil yang murid²-nya di-antara 300 ka-500 orang, maka gaji pokok bagi guru² itu ia-lah sa-banyak \$400 sahaja. Tetapi kalau sa-kira-nya guru itu guru normal Inggeris yang berkelulusan-nya sama sahaja, tetapi mereka mendapat gaji sa-banyak \$650. Satu chontoh lagi, Dato' Yang di-Pertua, kalau sa-kira-nya sekolah medium, sekolah sederhana dan saya sa-orang daripada bekas Guru Besar U.T.S. yang sekolah sederhana murid²-nya antara 500-750 orang, kami mendapat atau pun guru itu mendapat gaji sa-banyak \$500 tetapi kalau guru Inggeris yang kelulusan-nya sama dia mendapat gaji sa-banyak \$750. Dua chontoh itu sahaja dapat saya terangkan oleh sebab masa tidak meng-izinkan.

Dato' Yang di-Pertua, sa-belum saya berchakap lebih lanjut mengenai pelajaran pendidekan, elok-lah saya terangkan beberapa perkara lebih dahulu supaya kita tidak sama² merasa bahawa apa yang saya chakapkan ini kurang penting dan oleh yang demikian tidak di-ambil perhatian berat oleh pihak Kerajaan.

Pertama, saya kira semua orang bersetuju bahawa masalaah pelajaran pendidekan ini ada-lah merupakan satu masalaah yang amat penting bagi sa-sabua negara, bagi sa-sabua negara yang sedang membangun seperti Malaysia ini.

Yang kedua, saya berpendapat bahawa pelajaran pendidekan kanak² ini ada-lah satu institusi yang terdiri daripada beberapa bahagian dan saya kira bahagian terpenting dari institusi pelajaran nasional ini ada-lah murid² dan guru², ta' ada Kementerian Pelajaran tanpa murid dan tidak ada murid² tanpa guru, Kementerian Pelajaran mungkin ada tanpa bangunan sekolah dan buku² teks, tetapi, Dato' Yang di-Pertua, institusi pelajaran tidak dapat berdiri tanpa murid dan guru.

Dato' Yang di-Pertua, pada hari ini saya hanya akan berchakap mengenai guru dan saya tinggal dahulu bahagian murid. Saya beranggapan bahawa sa-hingga sekarang Kementerian Pelajaran maseh belum berjaya lagi menyelesaikan masalaah² yang di-hadapi oleh guru² di-Malaysia ini. Oleh sebab itu di-hadapan kita ada tiga perkara masalaah ini telah ada.

Yang kedua masalaah itu menerbitkan akibat dan ini juga sudah ada.

Yang ketiga penyelesaian terhadap masalaah itu dan ini-lah yang pada pendapat saya maseh belum ada lagi. Yang kita mahu sekarang, Dato' Yang di-Pertua, ia-lah penyelesaian terhadap masalaah² yang timbul itu demi kepentingan pendidekan nasional kita.

Dato' Yang di-Pertua, sa-bagai hasil dari ada-nya perkhidmatan guru yang berbeza dan tangga gaji yang berbeza itu menimbulkan beberapa akibat yang kurang baik sa-kali berlaku perpechahan dan kekacauan di-kalangan guru² di-tanah ayer kita ini sa-hingga berlaku apa di-katakan kerja ikut peratoran, atau pun work to rule.

Dato' Yang di-Pertua, kalau ini berlaku dalam zaman kolonial dahulu mithal-nya maka dapat di-fahamkan kerana memang menjadi dasar tradisi Kerajaan Konolian mengamalkan dasar *divide et impera* tetapi kita tidak faham apa-kah Kementerian Pelajaran juga meneruskan dasar saperti itu.

Dato' Yang di-Pertua, berkait rapat dengan tidak ada-nya di-kalangan guru² itu, maka akibat-nya mungkin melibatkan pelajaran akademik murid² dan ini akan merendahkan mutu pelajaran akademik murid² itu sendiri. Dengan perpechahan di-kalangan guru² itu juga maka imej guru itu sendiri di-mata masyarakat akan jatoh, dan kalau imej guru sudah jatoh, saya anggap ia merupakan imej Kementerian Pelajaran itu sendiri.

Dato' Yang di-Pertua, berikut dengan perpechahan dan kejatohan imej guru itu timbul-nya pula akibat sa-lanjut-nya yang lebeh mendukachitakan murid². Dan guru yang terlatah, guru yang berkebolehan, guru yang berkelayakan, guru yang berpengalaman keluar meninggalkan jawatan guru dan memasoki jawatan² yang lebeh baik dalam jawatan² yang di-katakan aman dan tenteram.

Sekarang saya chuba menchadangkan bagaimana chara untuk menyelesaikan masalaah² yang timbul. Saya yakin bahawa masalaah guru dan perguruan tidak dapat di-selesaikan tanpa kita memahami lebeh dahulu sa-dalam²-nya apa-kah puncha ketidak puas hatian mereka sa-hingga berlaku apa yang di-katakan kerja mengikut peratoran. Saya berpendapat guru tidak puas hati, Dato' Yang di-Pertua, tentang tidak ada keadilan di-dalam perkhidmatan mereka. Apa yang mereka mahu sangat² bukan-nya gaji yang mahal, bukan gaji yang tinggi sahaja, tetapi ia-lah keadilan. Saya tegaskan lagi ia-lah keadilan. Dalam pada itu pun ta' dapat di-nafikan sa-siapa pun mahukan gaji yang tinggi, tetapi pendapat saya yang pertama, mereka mahukan, ia-lah keadilan.

Dato' Yang di-Pertua, izinkan saya berchakap sadikit lagi walau pun masa hampir sampai.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sa-minit sa-tengah lagi, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Sa-minit sa-tengah lagi saya habiskan, Dato' Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bagus!

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Konsep keadilan itu ia-lah guru² yang mempunyai taraf akademik yang sama dengan masa latehan yang sama menjalankan tugas yang sama, wajib-lah di-beri ganjaran dan upahan yang sama pula. Jadi, Dato' Yang di-Pertua, persamaan-lah yang mesti di-tekanakan. Guru² mahu keadilan bukan sahaja dalam segi upah bahkan juga dalam segi layanan, perumahan, perubatan dan sa-bagai-nya. Guru mahu semua mereka di-anggap sa-bagai anak kandongan dari Kementerian Pelajaran yang sah dan halal.

Dato' Yang di-Pertua, saya kira oleh sebab masalaah guru dan perguruan ini sudah

merupakan satu masalah yang begitu complicated dan kompleks, maka satu penyelidikan yang ilmiah patutlah di-adakan sekarang di-bawah anjoran Kementerian Pelajaran. Penyelidikan yang ilmiah itu hendak-nya bertujuan memahami dan mendalami masalaah² guru dan perguruan dengan tujuan untuk menyelesaikan buat sa-lama²-nya.

Saya fikir pehak Fakulti Pendidikan Universiti Malaya tentu sa-kali tidak keberatan membantu dan memberi pinjam pensharah²-nya untuk tugas² penyelidikan ilmiah itu.

Sa-lain daripada itu hendak-lah juga ada niat di-pehak Kementerian Pelajaran hendak menyamakan status guru dan perguruan di-Malaysia ini supaya kalau pun tidak boleh sama dengan kedudukan dan status pegawai² Kerajaan yang lain supaya jawatan guru itu di-pandang lebeh terhormat, lebeh mulia lagi daripada apa yang ada sekarang.

Dato' Yang di-Pertua, tegas-nya, perasangka dan diskriminasi terhadap jawatan guru ini hendak-lah di-hati²kan dengan segar, mudahan² terdapat-lah keadilan yang abadi. Kementerian Pelajaran juga patut mulakan dasar berbaik² dengan kaum dan mempertahankan nama baik guru² bukan-lah mengadakan dialog² yang boleh memburokan perhubungan guru dengan Kementerian Pelajaran menerusi akhbar² dan lain². Sekian terima kaseh.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan saya, saya akan menjawab ucapan Ahli Yang Berhormat itu dengan ringkas.

Terlebeh dahulu saya ingin menguchapkan terima kaseh kepada Ahli Yang Berhormat dari Bachok kerana minat-nya terhadap pelajaran serta atas segala pandangan² dan shor² yang telah di-kemukakan-nya berkenaan dengan perkhidmatan guru².

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana terma'alom Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka

Baginda Yang di-Pertuan Agong telah berkenan menubuhkan sa-buah Surohanjaya di-Raja mengenai Perkhidmatan Guru² Malaysia Barat pada bulan April tahun 1967 dengan di-Pengerusikan oleh Yang Berhormat Tan Sri Hakim Abdul Aziz.

Surohanjaya di-Raja ini telah menyembahkan laporan pertama-nya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda bulan Oktober tahun 1968. Laporan itu meliputi bukan sahaja masalaah² tangga gaji guru², tetapi juga perkara² lain yang ada hubongannya, dengan kecekapan guru² termasuk-lah tata-tertib.

Apabila laporan itu di-umumkan banyak pandangan² dan shor² yang telah di-kemukakan oleh beberapa pehak dan memandang kepada pandangan² dan shor² ini, Surohanjaya itu telah di-hidupkan sa-mula untuk membolehkan ia mengkaji sa-mula shor² yang telah di-perbuat-nya dengan mengambil perhitungan pandangan² serta shor² yang telah di-kemukakan oleh semua pehak yang berminat.

Surohanjaya yang telah di-hidupkan sa-mula itu belum lagi menyampaikan laporan akhir-nya.

Saya ingin memberikan jaminan bahawa sa-baik sahaja laporan itu di-terima, Kerajaan akan menimbang-nya dengan sa-berapa segera yang dapat. Saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, bahawa segala kekurangan² dan kelemahan² yang terdapat dalam perkhidmatan guru sekarang ini akan dapat di-perbaiki dengan berpanduan kepada shor² yang akan di-kemukakan oleh Surohanjaya di-Raja itu. Terima kaseh.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Majlis meshuarat ini di-tanggohkan sa-hingga pukul 2.30 petang esok hari Rabu, 17hb Mach, 1971.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.50 petang.